

PENGHIJRAHAN BELIA LUARBANDAR KE BANDAR

(Tumpuan Khusus Kepada Belia Kampung Mesapol, Sipitang, Sabah.)

Penulis meraugikan penghargaan tangan kepada Dr. Dato' Dr. Mohd. Salleh Pauqilia Latihan Ijazah ini. Beliau yang memberikan sumbangan terwakil menyatakan diri seorang latihan serta membuktikan pengalaman dan pengetahuan dan berjaya dengan jujur dan bertekun kerja pada penilaian di-sampai ke perpaduan latihan ini, sehingga tanya langsung dalam bentuk pertanyaan dia seorang. Seperti sejalan penilaian wacahan ketika itu.

**Latihan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda**

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESSI 1979/80

ANNUAL

Penghijrah merupakan urjala sosial yang begitu jelas berisik di negara-negara membengkak. Ianya merujuk satu proses yang berterusan berlaku bersama dengan proses politik. Iain dalam usaha untuk mencapai

keadaan di negara-negara tersebut. Penghijrah penduduk bandar ke kawasan seumpama ekonomi sosial yang tidak dapat dielakkan. Maka

Penulis merakamkan penghargaan khusus kepada Encik Hussain Mohamed selaku penyelia latihan ilmiah ini. Beliau banyak memberikan bantuan terutama menyemak deraf-deraf awal latihan ini serta membuat cadangan, pembetulan dan komen-komen yang membina serta dorongan yang telah diberikan kepada penulis di sepanjang penyediaan latihan ini, hingga hingga lengkap dalam bentuknya yang ada sekarang. Kepada beliau penulis ucapkan terima kasih.

Kajian ini bertujuan sumpah khwasa kepada belia Kampung Sungai yang telah berjaya ke pusat-pusat bandar yang terdapat di Sabah. Sumpah perkembangan telah dalam soal-soal seperti bagaimana proses penghijrah itu berlaku, faktor-faktor pendorong dan implikasinya kepada struktur sosial di kampung dan kepada para penghijrah itu sendiri. Iai dihubungkan juga dengan aspek-aspek seperti usir, latar belakang keluarga, pelajaran, pekerjaan dan pengaruh-pengaruh sosial yang terdapat di bandar. Di samping itu dibincangkan juga kehidupan belia penghijrah itu di bandar, dimana sekali kajian ini membuat penganalisaan terhadap fenomena penghijrah belia itu dan menghubungkan dengan beberapa teori penghijrah.

SINOPSIS

Penghijrahan merupakan gejala sosial yang begitu jelas berlaku di negara-negara membangun. Ianya merupakan satu proses yang berterusan bersama-sama dengan proses pembangunan yang lain dalam usaha untuk mencapai kemajuan di negara-negara tersebut. Penghijrahan penduduk luarbandar ke bandar merupakan fenomena sosial yang tidak dapat dielakkan. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia juga mengalami fenomena yang sama. Penghijrahan penduduk luarbandar ke bandar di negara ini meliputi semua negeri. Ini telah mengakibatkan penumpuan penduduk ke kawasan-kawasan tertentu, khususnya pusat-pusat bandar. Fenomena yang sama juga berlaku di Sabah. Ramai penduduk di kawasan-kawasan luarbandar telah berhijrah ke pusat-pusat bandar, dan kebanyakan dari para penghijrah itu terdiri dari golongan belia.

Kajian kes ini memberi tumpuan khusus kepada belia Kampung Mesapol yang telah berhijrah ke pusat-pusat bandar yang terdapat di Sabah. Tumpuan perbincangan ialah dalam soal-soal seperti bagaimana proses penghijrahan itu berlaku, faktor-faktor pendorong dan implikasinya kepada struktur sosial di kampung dan kepada para penghijrah itu sendiri. Ini di hubungkan juga dengan aspek-aspek seperti umur, latar belakang keluarga, pelajaran, pekerjaan dan pengaruh-pengaruh sosial yang terdapat di bandar. Di samping itu dibincangkan juga kehidupan belia penghijrah itu di bandar. Akhir sekali kajian ini membuat penganalisaan terhadap fenomena penghijrahan belia itu dan menghubungkannya dengan beberapa teori penghijrahan,

KANDUNGAN

	Muka Surat
Penghargaan	ii
Sinopsis	iii
Keterangan Peta Dan Jadual	vii
BAB I: PENDAHULUAN	1
Pengenalan Umum	1
Tujuan Dan Bidang Kajian	2
Kepentingan Kajian	5
Metodologi	7
Masalah Kajian	8
Konsep Penghijrahan	10
BAB II: KAMPUNG MESAPOL - STRUKTUR DAN ORGANISASI SOSIAL	15
Latar Belakang Kampung Mesapol	15
Sejarah Pembukaan Kampung Mesapol	16
Penduduk Dan Pekerjaan	16
Ketua Anak Negeri Dan Fungsinya	20
Kemudahan Pelajaran Dan Pendidikan	24
Sekolah Ugama Islam	26
Aktibiti Sosial Dan Kebajikan	27
Persatuan-Persatuan Belia Kampung	29
Kemasukan Orang-Orang Luar	31

Muka Surat

BAB III: BELIA YANG BERHIJRAH	34
Majoriti Umur	34
Tempat Yang Dituju	35
Latar Belakang Keluarga Dan Ekonomi	37
Pencapaian Pelajaran Dan Persekolahan	40
Motif Awal Penghijrahan	45
Belia Yang Tidak Berhijrah	47
 BAB IV: KEHIDUPAN BELIA PENGHIJRAH DI BANDAR	49
Proses Penghijrahan	49
Pekerjaan, Pendapatan Dan Tempat Tinggal	52
Masalah Penyesuaian Dan Kebebasan Individu	57
Gaya Hidup	59
Beberapa Masalah Kehidupan	61
Hubungan Dengan Keluarga	69
 BAB V: ANALISA DAN APPLIKASI KEPADA BEBERAPA TEORI PENGHIJRAHAN	
Peranan Pelajaran Dalam Penghijrahan	
Penghijrahan Dan Faktor Ekonomi	72
Faktor-Faktor Lain Dalam Penghijrahan	76
Applikasi Kepada Teori-Teori Penghijrahan	78
Hukum Penghijrahan Ravenstein	79
Teori Intervening Opportunities	81
Teori 'Push-Pull'	83
Teori Penghijrahan Oleh Everett S. Lee	85

Muka Surat

BAB VI: PENUTUP	88
CATURANGAN PETA DAN JADUAL	
BILBIOGRAFI	94
LAMPIRAN I	96
LAMPIRAN II	102
PETA	
1. Peta Asia Tenggara	
2. Peta Sabah	
3. Peta Kawasan Rajah	
JADUAL	
1. Bantuan Ketraka Mala Neninggalan Kerajaan	33
2. Tempat Tempat Dangkilijahan	36
3. Latar Belakang Persekutuan	43
4. Taraf Penempatan Pelajar di Dang Kilijahan	44
5. Bilangan Pelajar Ting. 12 Myah di Bandar Baru Tahun 1967 Ringan 1978	51
6. Pekarjakan Sekolah di Bandar	53
7. anggaran Pendapatan dalam Sabahan	55

KETERANGAN PETA DAN JADUAL


PETA

1. Peta Asia Tenggara
2. Peta Sabah
3. Peta Kawasan Kajian

JADUAL


1.	Umur Ketika Mula Meninggalkan Kampung	35
2.	Tempat Tumpuan Penghijrahan	36
3.	Latar Belakang Persekolahan	43
4.	Taraf Pencapaian Pelajaran Belia Yang Berhijrah	44
5.	Bilangan Belia Yang Berhijrah Ke Bandar Dari Tahun 1967 Hingga 1978	51
6.	Pekerjaan Belia Di Bandar	53
7.	Anggaran Pendapatan Dalam Sebulan	55

PETA I: ASIA TENGGARA



PEPA 3: KAWASAN KAJIAN

SEKIL: 1 Inci = 4 Batu



BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan Umum

Negeri Sabah terletak di bahagian utara pulau Borneo, bersempadan dengan Sarawak dan Kalimantan Indonesia di sebelah selatan. Ia dipisahkan oleh Laut Cina Selatan dari Tanah Semenanjung iaitu di sebelah barat, manakala di sebelah timur ia berhadapan dengan Laut Sulu dan Celebes. Kawasan tanahnya seluas 29,388 batu persegi atau separuh keluasan Semenanjung Malaysia dan sebahagian besar darinya masih lagi dilitupi oleh hutan tebal. Gunung Kinabalu yang tingginya 13,455^{kaki} itu merupakan kemuncak dari sifat muka bumi yang bergunung ganang. (Lihat Peta 1)

Menurut Perangkaan Penting Sabah 1975, penduduk Sabah berjumlah 837,516 orang. Ini meliputi beberapa suku kaum bumiputra dengan nama yang berbagai-bagai dan merupakan 61% dari seluruh jumlah penduduk. Manakala 39% adalah bukan bumiputra. Suku Dusun/Kadazan merupakan kumpulan bumiputra yang terbesar dan merupakan satu pertiga dari jumlah semua penduduk Sabah. Ini diikuti oleh suku Bajau dan Murut. Suku bumiputra yang lain adalah kecil jumlahnya, ini terdiri dari Suluk, Orang Sungai, Brunei, Bisaya dan Kedayan. Penduduk bukan bumiputra kebanyakannya terdiri dari orang-orang Cina dan bangsa Indonesia; Suku Bajau, Suluk, Brunei, Bisaya dan Kedayan adalah ras Melayu dan menganut ugama Islam. Ugama lain yang

terdapat di Sabah ialah Kristian, Buddha dan terdapat juga penduduk yang tidak berugama.

Dalam susunan pentadbiran, Sabah dibahagikan kepada empat Residensi; Pantai Barat, Pendalaman, Sandakan dan Tawau (Lihat Peta 2). Kota Kinabalu merupakan ibu negeri dan pusat pentadbiran yang utama. Lain-lain bandar yang penting ialah Sandakan, Tawau, Kudat, Beaufort dan Labuan. Berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung, Sabah masih ketinggalan dalam proses pembangunan. Ini kerana Sabah baru saja mencapai kemerdekaannya pada tahun 1963 dengan menyertai Malaysia. Walau bagaimanapun pada masa ini sudah banyak berlaku perubahan khususnya dalam bidang sosial, ekonomi, politik, pelajaran dan kebudayaan.

Tujuan Dan Bidang Kajian

Kajian ilmiah ini merupakan satu usaha untuk mendapatkan gambaran yang sebenar terhadap gejala penghijrahan belia luarbandar ke pusat-pusat bandar di Sabah. Gejala ini sudah menjadi satu 'trend' sosial yang jelas didapati di Sabah pada masa ini. Di sini pengkaji telah mengemukakan beberapa persoalan yang berkaitan dengan gejala tersebut. Pertama, apa sebab-sebabnya belia berkenaan berhijrah ke bandar, apakah faktur-faktur yang mendorongkan dan bagaimana proses itu berlaku. Kedua, bagaimanakah latar belakang ekonomi, keluarga dan pelajaran belia yang berhijrah itu dan ketiga, apakah implikasi penghijrahan belia itu terhadap sistem kekeluargaan dan struktur serta organisasi masyarakat luarbandar. Oleh yang demikian adalah menjadi matlamat dan tujuan utama kajian ini untuk

menghuraikan dan memberi pemahaman yang sewajarnya terhadap persoalan-persoalan tersebut. Di sini, aspek-aspek ekonomi, pelajaran, sikap, keluarga dan masyarakat akan dihubungkan dengan gejala penghijrahan itu.

Oleh kerana bidang kajian ini menumpukan secara khusus kepada kumpulan belia, maka sebagai penjelasan, di sini diberikan definisi mengenai "kumpulan belia". Mengikut Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, belia adalah merupakan orang muda lelaki dan perempuan yang berumur di antara 15 - 30 tahun. Manakala UNESCO (1969) mengatakan bahawa, kebanyakannya rancangan belia adalah berdasarkan umur antara 15 - 25 tahun. Walaupun terdapat begitu banyak diperkatakan orang tentang belia, namun belum terdapat satu ketetapan umum dan konkret mengenai takrif belia. Menurut Manning dan Truzzi (1972), golongan belia adalah orang-orang yang termasuk dalam peringkat peralihan di antara masa kanak-kanak (childhood) dan masa kedewasaan (adulthood) iaitu masa keremajaan (adolescence). Ini dapat ditakrifkan sebagaimana berlakunya perkembangan sifat-sifat fizikal (biological growth) dan juga di peringkat di mana seorang individu itu menghadapi masalah-masalah penyesuaian yang tertentu khususnya kepada diri sendiri dan masyarakat umumnya.

Jangka masa peralihan dari seorang belia menjadi seorang dewasa tidak ditentukan dalam mana-mana masyarakat, bila dan bagaimana waktu itu berlaku dan apakah kelayakan-kelayakan yang dihubungkan dengannya. Golongan belia mencerminkan nilai-nilai, aspirasi-aspirasi dan kecenderungan masyarakat terbesarnya. Oleh

itu kaum belia adalah fenomena moden masyarakat industri. Dalam masyarakat kompleks beginilah peringkat perkembangan selanjutnya mengambil bentuk yang kritikal. Tidak hairanlah bila masyarakat-masyarakat moden mendefinisikan kaum belia sebagai satu "masalah" dan usaha yang banyak perlu diambil untuk mengujudkan keadaan penyesuaian yang baik dan sihat bagi mereka.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih 66 orang belia dari Kampung Mesapol sebagai sampelnya. Kampung ini dipilih sebagai mewakili kawasan luarbandar yang dianggap wajar atas kedudukannya di daerah Sipitang dalam Residensi Pendalaman. Ianya sebuah kampung yang kecil dan jaraknya kira-kira 80 batu dari Kota Kinabalu. Dalam kajian ini aspek-aspek yang ditumpukan ialah proses penghijrahan belia berkenaan, kehidupan mereka dibandar, juga kehidupan mereka sebelum berhijrah iaitu semasa mereka di kampung. 66 orang belia berkenaan, yang merupakan responden dalam kajian ini, kini berada dibeberapa kawasan bandar di Sabah. Di sini, pengkaji menumpukan secara khusus penghijrahan belia ke pusat bandar Kota Kinabalu, kerana belia yang berhijrah ke kawasan tersebut adalah paling ramai iaitu 45 orang dari 66 orang.

Bidang kajian ini akan dihadkan kepada dua aspek yang penting. Pertama, pengkajian terhadap belia yang kini berada di bandar dan ini akan dihubungkan dengan aspek-aspek seperti taraf pelajaran mereka, pekerjaan, gaya hidup, aktifiti sosial, latar belakang keluarga dan motif penghijrahan mereka. Kedua, ialah keluarga belia yang berhijrah itu, yang berada di kampung. Ini

dibuat untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang latar belakang keluarga dan kedudukan ekonomi belia yang berhijrah itu. Oleh yang demikian kedua-dua aspek bandar dan luarbandar diberi tumpuan yang sama dalam kajian ini.

Kepentingan Kajian

Ada banyak perkara yang dapat ditulis mengenai Sabah, tetapi sehingga hari ini banyak daripada usaha-usaha tersebut hanya tertumpu kepada hal-hal mengenai politik, pentadbiran dan sejarahnya. Di antaranya ialah, A History of Modern Sabah 1881 - 1963 oleh Warren (1971), A History of Modern Sabah oleh Tregonning (1965), The Philippine's Claim to Sabah, Its Historical, Legal and Political oleh Ariff M.D. (1970), Modernization in East Malaysia 1960 - 1970 oleh James P. Ongkili (1972), The Towkays of Sabah oleh Edwin Lee (1964), The Politics of Federalism oleh Bruce Ross Larson (1976), The Politic of Belonging, The Political Change in Sarawak and Sabah oleh Roff (1974), Kemasukan Sabah dan Sarawak Ke Dalam Persekutuan Malaysia oleh Mohd. Noor Abdullah (1976), Tun Mustapha Bapa Kemerdekaan Sabah oleh Abdullah Hussain (1976), Berjaya di Tengah-Tengah Politik Malaysia oleh Yahya Ismail dan Perkembangan Pelajaran Di Sabah oleh Mohd. Nor bin Long (1978). Di samping itu banyak lagi penulisan-penulisan yang membincarakan soal yang sama yang terdapat dalam beberapa buah jurnal seperti yang dibuat oleh The Sabah Society dan Borneo Research Council serta Borneo Research Bulletin.

Penumpuan dalam bidang sejarah dan politik ini adalah baik. Tetapi dari satu segi lain, penulisan-penulisan dalam bidang

yang lainnya, setakat ini, masih terlalu sedikit khususnya dalam hal-hal kemasyarakatan, proses modenisasi dan perubahan sosial penduduknya. Walaupun begitu, terdapat juga beberapa penulisan mengenai hal-hal Sabah dalam bentuk kajian latihan ilmiah. Di antaranya ialah kajian yang dibuat oleh Sukarti Wakiman, "Pertubuhan Belia Kebangsaan Sabah (SANYA)", latihan ilmiah 1976/77, Universiti Malaya, Abidin Madingkir, "Pertanian Pindah Randah di Sabah", latihan ilmiah Universiti Malaya 1977/78, Juliana Situn, "Sabah The Style of Political Leadership", latihan ilmiah 1978/79, Universiti Malaya, Hasan Alban Sendukong, "Land Ownership and Problems in the Sandakan District, Sabah", latihan ilmiah 1973/74, Universiti Malaya dan Jainisa Narajim, "Kinship and Marriage Among the Bajaus in Kota Belud, Sabah", latihan ilmiah 1976/77, Universiti Malaya.

Oleh yang demikian, kajian mengenai penghijrahan belia luarbandar ke bandar ini merupakan satu percubaan dalam usaha untuk menambahkan lagi pengetahuan dalam bidang kemasyarakatan khususnya perkara-perkara yang berhubung dengan masalah sosial penduduk luarbandar, implikasi dari proses pembangunan, modenisasi dan perubahan sosial. Ianya juga merupakan satu usaha untuk memberi gambaran mengenai kehidupan komuniti-komuniti luarbandar dalam hubungannya dengan bandar dan juga perubahan-perubahan dalam struktur dan organisasi sosialnya. Diharap kajian ini dapat memberikan sumbangsan yang berguna kepada pihak-pihak yang tertentu untuk membuat tindakan rancangan pembangunan ataupun untuk mengatasi masalah-masalah yang mungkin dialami oleh penduduk luarbandar akibat penghijrahan para belia itu dan juga dapat memberi pemahaman yang

sewajarnya terhadap masalah dan inspirasi yang dihadapi di kalangan belia luarbandar.

Metodologi

Data-data dan maklumat yang dikumpulkan adalah melalui kerjaluau atau "field work". Metode pengumpulan data dan penerangan dibuat melalui beberapa cara:

- i. Temuduga berdasarkan daftar pertanyaan (Questionnaires) yang telah disediakan terlebih dahulu. Metode ini adalah sebagai pengambilan sumber kajian yang utama.
- ii. Temubual secara tidak langsung dengan responden.
- iii. Pemerhatian sendiri, ini dilakukan dalam penganalisaan dari aspek perlakuan sosial responden.
- iv. Bahan-bahan yang diperolehi dari beberapa penulisan, lapuran, perangkaan dan makalah. Oleh itu sumber-sumber yang didapati dari buku-buku, jurnal dan lapuran-lapuran adalah penting demi melengkapkan kajian ini.

Di samping itu kajian ini telah melibatkan beberapa pihak tertentu. Ini adalah bertujuan untuk menyokong kepada beberapa keterangan dan maklumat dari aspek-aspek tertentu. Tugasnya, selain dari responden itu sendiri, kajian ini juga melibatkan anggota-anggota masyarakat kampung terutama keluarga responden itu dan pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dengan agen pembangunan kerajaan di luarbandar seperti Ketua Anak Negeri dan Pegawai

Pembangunan Masyarakat.

Masalah Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah mengalami beberapa masalah. Masalah utama ialah untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang tepat. Oleh kerana kes kajian ini menyentoh soal-soal nilai, kebebasan, sikap dan pandangan peribadi responden, sudah tentu maklumat yang diterima terlebih dahulu didasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan yang menyentoh soal-soal tersebut. Di sini, pengkaji telah menentukan bahawa jawapan-jawapan responden boleh dipercayai atau tidak. Oleh itu pengkaji terlebih dahulu menerangkan tujuan sebenar kajian ini dan berusaha meyakinkan setiap responden bahawa jawapan yang diberi akan dirahsiakan dan menjamin bahawa nama-nama mereka tidak didedahkan. Pengkaji juga menerangkan bahawa kerjasama mereka amat diperlukan untuk melaksanakan kajian ini.

Pengkaji juga menghadapi masalah mengenai pemahaman responden terhadap kajian sosial ini. Perlu juga dinyatakan bahawa kajian seumpama ini merupakan satu perkara yang baru dan mereka merasakannya sesuatu yang asing. Ini diketahui dengan melihat reaksi mereka ketika temuduga dijalankan dimana kebanyakan mereka menampakan sikap yang tidak serious hingga agak sukar untuk mendapatkan kerjasama yang sewajarnya. Di sinilah metode pemerhatian dan penyertaan sendiri dianggap sebagai satu metode yang paling berkesan. Metode penyertaan (participant observation) digunakan khususnya untuk mendapatkan maklumat mengenai aktibiliti-aktibiliti sosial dan beberapa kegiatan rekreasi responden.

Masalah seterusnya ialah untuk menentukan masa yang sesuai menemui responden. Sebab utama ialah kerana responden juga sibok dengan tugas-tugas pekerjaan mereka. Tambahan pula ada diantara pekerjaan mereka itu memerlukan kerja-kerja yang mengikut giliran (shift) berdasarkan jam-jam bekerja yang ditentukan oleh pihak majikan. Terdapat beberapa responden yang bekerja di waktu malam sepenuhnya yang mana mereka memerlukan masa rihat yang lama diwaktu siang. Di sini timbul masalah untuk berhubung dengan responden dalam masa yang lebih lama. Dengan demikian adakah pengkaji hanya dapat menjalankan kerja-kerja soal selidik terhadap seorang responden saja dalam sehari. Ini dibuat berdasarkan pertimbangan agar penyelidikan ini tidak menganggu ketenteraman responden.

Selain dari itu pengkaji juga mengalami masalah kesuntukan masa kerana kajian ini dibuat dalam masa tiga bulan sahaja (Mach hingga Mei 1979). Oleh itu, kerja-kerja penyelidikan dan mendapatkan sumber-sumber rujukan terutama data-data yang berhubung dengan kajian ini dibuat dalam masa yang terhad dan pengkaji terpaksa membahagi-bahagikan masa yang sesuai. Akhir sekali, ialah masalah 'value judgement' yang mana ini sukar dielakan memandangkan antara pengkaji dengan responden mempunyai hubungan yang rapat berdasarkan tempat asal dari kampung yang sama. Oleh yang demikian pengkaji cuba bertindak sebagai orang luar dari kumpulan responden itu agar segala pendapat adalah mengambarkan pendapat responden itu sendiri.

Konsep Penghijrahan

Untuk pemahaman yang kritis terhadap konsep penghijrahan di sini perlu disebutkan beberapa pendapat dari pengkaji-pengkaji sosial yang pernah membuat kajian terhadap fenomena tersebut. Everett S. Lee dalam artikalnya, "A Theory of Migration" mengatakan bahawa, "Migration is defined broadly as a permanent or semi-permanent change of residence"¹. Menurut beliau lagi, faktur-faktur seperti masa, jarak dan halangan adalah tidak dipentingkan akan tetapi penghijrahan mestilah melibatkan soal tempat asal, arah tujuan (destination) dan beberapa angkubah yang terlibat sama untuk mengujudkan proses tersebut.

Tommy (1977) memberikan definisi penghijrahan bahawa, "Migration is a process of moving from a community of one's residence in one geographic location to another overtime. The key words of phrases implied in this definition are: people, change of residence, distance and time"². Manakala Lloyd Bacon (1971) memberi definisi bahawa, "Migration is defined as simultaneous change in social and psysical space of a person"³. Mengikut konsep ini, penghijrahan melibatkan perubahan ruang sosial dan ruang

¹ Everett S. Lee, "A Theory of Migration" dalam Jackson, Migration Cambridge University Press, 1969, m.s. 285.

² Tommy, Joseph Lissa, Socio-Economic Determinant & Policy Implications of the decision to migrate: An Empirical Evidence of the Seirra Leone Rural-Urban Migration Study 1977.

³ Lloyd Bacon, Poverty Among Interregional Rural to Urban Migration, Journal of the Rural-Sociological Society, Vol. 36, 1971, m.s. 132.

fizikal seseorang atau satu yunit sosial. Kedua-dua konsep ini saling berhubungan dan melengkapi diantara satu sama lain. Ruang sosial bersifat subjektif, maknanya ia selalu merujuk kepada perubahan yang berlaku dalam lingkungan sistem sosial seseorang. Ruang sosial juga merujuk kepada kedudukan seseorang dalam satu-satu sistem sosial iaitu kedudukan yang ditinggalkan atau yang sedang diduduki. Ruang fizikal bersifat objektif. Selalunya ia merujuk kepada perubahan dalam bentuk geografikal atau perubahan tempat tinggal.

Menurut Wakeley dan Nasrat (1961) dalam artikel mereka yang bertajuk "Sociological Analysis of Population Migration," menyarankan bahawa penghijrahan itu adalah sebagai, "... the movement of person or other social units, such as families, from one place of residence to another place of residence, involving at the same time a change from the social system of origin to the social system of destination"⁴. Selain dari definisi-definisi yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang sosiologi terdapat pula pengkaji-pengkaji dalam bidang antropologi dan geografi yang menyarankan definisi masing-masing. Antaranya ialah Koentjaraningrat (1970), menyarankan bahawa penghijrahan adalah merupakan proses perpindahan dari satu kelompok manusia,

⁴

Ray E. Wakeley & Mohicy Eldin Nasrat, "Sociological Analysis of Population", dalam Rural Sociology, Vol. 26, 1961, m.s. 15.

dari satu tempat tinggal kelain tempat tinggal.⁵ Manjit Singh Sidhu dan Asmah (1977) pula menyarankan bahawa penghijrahan itu biasanya merujuk kepada pergerakan-pergerakan yang berlaku buat beberapa ketika, bergantung kepada lama masa yang diambil, ia boleh berlaku dalam jangka masa yang pendek dan jangka masa yang panjang.⁶

Seterusnya, menurut S.N. Eisentadt (1954) memberikan konsep bahawa penghijrahan itu sebagai satu perpindahan jasmani samada orang perseorangan atau segolongan daripada satu kelompok masyarakat kepada masyarakat yang lain. Penerangan ini juga penting kerana tiap-tiap satu masyarakat itu mempunyai pola-pola hidup yang berbeza antara satu dengan lain sehingga dalam proses penghijrahan terlihat adanya pelepasan manusia daripada ikatan-ikatan masyarakatnya yang lama dan memasuki lingkungan masyarakat yang baru. Oleh yang demikian dalam konsep ini ditekankan soal-soal individu, masyarakat dan kawasan.

Dari beberapa pendapat mengenai penghijrahan itu dapat disimpulkan bahawa perkara yang penting ialah proses tersebut melibatkan soal tempat asal dan tempat yang dituju. Maknanya ada perubahan samada dalam ruang fizikal atau ruang sosial, perpindahan tempat tinggal kepada satu tempat tinggal yang lain, dari satu masyarakat kepada masyarakat yang lain dan dari satu sistem sosial kepada sistem sosial yang lain. Perpindahan ini berlaku dengan cara beramai-ramai, berseorangan, satu yunitsosial seperti famili dan sebagainya. Proses

⁵ Koentjaraningrat, Pengantar Antropologi, Pustaka Antara, Kuala Lumpur 1970, 116.

⁶ Manjit Singh Sidhu & Asmah Ahmad, Sifat Geografi Penduduk, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977 m.s. 67.

ini melibatkan mobiliti sosial samada ke bawah atau ke atas. Dalam kebanyakan hal, penghijrahan itu mengakibatkan mobiliti ke atas.

Seterusnya di sini dibincangkan juga jenis-jenis penghijrahan sekadar untuk memberi pemahaman yang lebih lanjut akan fenomena tersebut. Penghijrahan musiman dimaksudkan kepada pergerakan manusia akibat dari keadaan tertentu. Umpamanya masyarakat penternak binatang yang berpindah randah adalah tertakluk kepada perubahan musim, apabila musim kemarau mereka berpindah ke tempat yang ada air untuk mendapatkan keperluan ternakan mereka. Ini termasuk juga kumpulan-kumpulan pemburu dan pemungut (hunter and gathering). Oleh yang demikian jenis penghijrahan ini adalah yang terawal sekali pernah ujud.

Penghijrahan luarbandar - bandar adalah merujuk kepada pergerakan penduduk dari luarbandar ke bandar terutama ke pusat-pusat bandar. Manakala penghijrahan bandar - luarbandar biasa berlaku di kalangan orang-orang bersara dan ini dikenali juga sebagai penghijrahan pulang (return migration)⁷. Terdapat juga penghijrahan dalaman (Internal Migration) yang merujuk kepada pergerakan penduduk dalam satu negeri dan penghijrahan antarabangsa (External Migration) yang merujuk kepada pergerakan penduduk yang melangkahi sempadan antarabangsa

Di samping itu perlu juga dibezakan jenis penghijrahan yang bersifat sementara dan penghijrahan yang bersifat kekal. Penghijrahan sementara berlaku bila orang-orang yang berhijrah balik semula ke tempat

⁷ Ibid. m.s. 74.

asal dan ini bermakna penghijrahan itu berlaku dalam masa yang tidak lama. Penghijrahan yang bersifat kekal biasanya diakibatkan oleh perkara-perkara seperti bencana alam, kebuluran dan kemusnahan di tempat asal yang mendorong penduduknya meninggalkan terus tempat tersebut dan mencari petempatan baru di tempat lain.

Kampung Besapol terletak di daerah Sipitang. Lihat pada 21a. Jaraknya hanya sebatas dari pekan Sipitang yang mana ia berhubungan dengan sebuah jalan raya. Mengikut perihalaman kawasan dari Sabah, besapol ini diletakkan di bawah pentadbiran Residen Sipitang. Biasanya bilik diantara Kampung Besapol, ianya seliput. Perbezaan dua kampung besar yang terdapat di sekitarnya, iaitu terdapat di antaranya, Kampung Belayan, Kampung Sungai Tiga dan Lubok Antu. Jarak dari Kota Kinabalu ke Kampung Besapol lebih kurang tiga puluh minit. Cara perhubungan ke kampung ini biasanya dengan keretapi kerapai sehingga sampai ke pekan Beaufort. Dari sini, biasanya perjalanan dilanjutkan dengan menaiki basikal hingga ke kampung Besapol. Meskipun ini masih belum ada perkhidmatan bas untuk menuju ke kampung ini.

Dalam lataranya perjalanan dari Kota Kinabalu ke Kampung Besapol mengambil masa lebih kurang lima jam, iaitu dengan mengikuti cara perhubungan yang disebutkan tadi. Perhubungan jalan raya dari pekan Beaufort ke kampung ini adalah satu-satunya yang penting bukan saje untuk kampung ini, malah kepada kawasan-kawasan lain di daerah Sipitang. Selain begalaman pun, sehingga ini jalan tersebut masih lagi belum siap-penuh.

BAB II

KAMPUNG MESAPOL - STRUKTUR DAN ORGANISASI SOSIAL

Latar Belakang Kampung Mesapol

Kampung Mesapol terletak di daerah Sipitang (Lihat peta 3).

Jaraknya hanya empat batu dari pekan Sipitang yang mana ianya dihubungi oleh sebatang jalan raya. Mengikut pembahagian kawasan negeri Sabah, daerah ini diletakan di bawah pentadbiran Residensi Pendalaman. Umumnya bila disebut Kampung Mesapol, ianya meliputi juga beberapa buah kampung kecil yang terdapat di sekitarnya, ini termasuk di antaranya, Kampung Naluyan, Kampung Sungai Tiga dan Lubuk Darat. Jarak dari Kota Kinabalu ke Kampung Mesapol lebih kurang lapan puluh batu. Cara perhubungan ke kampung ini biasanya dengan menaiki keretapi sehingga sampai ke pekan Beaufort. Dari sini, biasanya perjalanan diteruskan dengan menaiki teksi hingga sampai ke Kampung Mesapol. Setakat ini masih belum ada perkhidmatan bas untuk menuju ke kampung ini.

Pada lazimnya perjalanan dari Kota Kinabalu ke Kampung Mesapol mengambil masa lebih kurang lima jam, iaitu dengan mengikuti cara perhubungan yang disebutkan tadi. Perhubungan jalan raya dari pekan Beaufort ke kampung ini adalah satu-satunya yang penting bukan saja untuk kampung ini, malah kepada kawasan-kawasan lain di daerah Sipitang. Walau bagaimana pun, sehingga ini jalan tersebut masih lagi belum sempurna.

Sejarah Pembukaan Kampung Mesapol

Diperayai Kampung Mesapol mula diduduki orang pada sekitar tahun 1950. Satu jangka masa yang belum lama. Sebelum itu kebanyakan penduduknya tinggal berselerak di tempat-tempat yang terpencil dan berasingan. Tidak ada tumpuan kawasan yang khusus seperti pada masa ini. Pada mulanya kawasan ini masih terpencil dan tidak ramai penduduknya. Dengan pembukaan ladang-ladang getah dan penubuhan sebuah estet, kawasan ini mula didiami orang secara berkelompok dalam satu masyarakat yang agak ramai. Hingga itu ianya menjadi tumpuan tempat tinggal yang khusus. Ladang-ladang getah dan estet tersebut dimiliki oleh Kerajaan Chartered Company (British). Oleh yang demikian pekerjaan menoreh getah merupakan pekerjaan asal di kawasan ini. Ini telah berkembang dengan lebih pesat lagi dengan munculnya pemilikan sendiri kebun-kebun getah dari penduduk tempatan.

Jika penanaman getah merupakan pekerjaan yang bersifat komersial untuk mendapatkan wang, penanaman padi merupakan usaha atau kegiatan untuk keperluan harian, sekadar "ekonomi secukup hidup". Dua cara penanaman padi yang lazim dilakukan ialah secara huma dan sawah. Perubahan yang jelas berlaku di kampung ini ialah dengan tertumbuhnya sebuah sekolah rendah pada tahun 1960 dan pembinaan beberapa buah kedai serta jalan perhubungan yang lebih baik. Sejak itu bilangan penduduk di kampung ini menjadi semakin bertambah.

Penduduk Dan Pekerjaan

Penduduk Kampung Mesapol terdiri dari berbagai suku bangsa yang berbeza dari segi ugama, bahasa dan kebudayaan. Suku-suku bangsa ini

ialah Kedayan, Brunei, Cina dan sebilangan kecil dari suku bangsa Dusun/Kadazan serta seringkali juga terdapat bangsa asing yang datang tetapi tidak menetap lama. Jumlah semua penduduk Kampung Mesapol di anggarkan tidak kurang dari 2,000 orang dan suku bangsa Kedayan adalah merupakan majoriti iaitu lebih 70% dari jumlah tersebut. Cina dianggarkan 15%, Brunei 5% dan lain-lain kaum 10%. Walaupun terdapat beberapa perbezaan tetapi suku bangsa-suku bangsa ini dapat hidup bersama, bercampur gaul serta bermesra antara satu dengan lain dalam suasana yang harmoni dan bersafahaman. Hal ini menunjukkan betapa suasana kampung itu tidak mengira apakah bangsa yang mendiaminya tetapi menekankan satu yunit sosial yang berdasarkan kawasan yang sama dan hubungan-hubungan yang dipentingkan adalah berdasarkan persamaan sosial. Apa yang jelas didapati ialah perhubungan antara individu-individu di kampung ini adalah begitu rapat dan kerap.

Pada asasnya ugama satu-satu suku bangsa itu berbeza dengan ugama suku bangsa yang lain. Suku Kedayan dan Brunei menganuti ugama Islam sejak dari beberapa jenerasi yang terdahulu. Masyarakat Cina yang kebanyakannya terdiri dari suku Hakka adalah menganut ugama Budha, manakala suku Dusun/Kadazan biasanya menganut ugama Kristian. Perbezaan juga jelas dari segi adat resam dan bahasa pertuturan akan tetapi mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan.

Dari segi pekerjaan, pada umumnya penduduk bumiputra melakukan kerja-kerja kampung manakala penduduk bukan bumiputra (khususnya Cina) memilih pekerjaan sebagai peniaga. Kerja-kerja kampung ini termasuklah menoreh getah, berkebun dan mengambil upah menebas. Apa yang jelas mengenai pekerjaan ini ialah kebanyakan keluarga-keluarga di kampung

ini tidak mengkhususkan kepada satu-satu jenis pekerjaan sahaja. Umpamanya jika suami menoreh getah isteri-isteri mereka pula bermiaga secara kecil-kecilan manakala di masa lain keluarga ini bertanam padi. Dengan kata lain, punca pendapatan keluarga tidaklah hanya tertumpu kepada satu-satu jenis pekerjaan sahaja. Oleh yang demikian, adalah sukar untuk menentukan atau membuat anggaran mengenai jumlah keluarga yang melakukan satu-satu jenis pekerjaan sahaja, kerana biasanya satu-satu keluarga itu melakukan beberapa jenis pekerjaan.

Walau bagaimanapun pekerjaan menoreh getah tetap penting dan hampir semua keluarga di Kampung Mesapol terlibat dalam pekerjaan tersebut. Pada umumnya pemilikan kebun getah mereka adalah kecil iaitu pada puratanya kurang dari lima ekar. Ini menyebabkan jumlah pengeluaran mereka rendah dan pendapatan yang kecil dan tidak tetap. Ini bukan saja akibat dari pemilikan yang kecil tetapi juga kerana penoreh-penoreh getah itu terpaksa menghadapi keadaan tidak tentu. Maknanya masa bekerja tertakluk kepada keadaan musim dan cuaca manakala harga getah pula tertakluk kepada turun naik harga pasaran. Pada masa ini pekerjaan menoreh getah hanya dilakukan oleh golongan-golongan tua saja dan amat sedikit para belia kampung melibatkan diri dalam pekerjaan tersebut.

Penanaman padi pada asasnya merupakan kerja musiman. Ia dilakukan setahun sekali dengan bantuan sekim taliair yang diusahakan oleh pihak Lembaga Padi Sabah. Cara-cara penanamannya dan proses-proses yang bersangkutan dengannya menjadi lebih mudah dan teratur dengan adanya sekim penanaman padi yang diusahakan oleh Lembaga Padi Sabah. Ini menjadikan penggantungan tenaga kerja kepada tenaga manusia sudah

berkurangan. Pekerjaan lain yang dilakukan, termasuklah bermiaga secara kecil-kecilan. Walaupun pada tempoh permulaan, pekerjaan ini dimonopoli oleh kaum Cina tetapi sejak akhir-akhir ini sudah ramai penduduk tempatan yang bergiat dalam bidang ini. Namun demikian penyertaan mereka hanya terbatas kepada usaha secara kecil-kecilan tanpa ada susunan dan organisasi yang sempurna dan serba kekurangan, akan tetapi bilangan mereka yang menceburi dalam bidang ini semakin ramai.

Selain daripada pekerjaan kampung yang biasa, pekerjaan lain terutamanya pekerjaan 'makan gaji' adalah amat sedikit. Peluang-peluang untuk bekerja dengan kerajaan amatlah terbatas. Kerja-kerja di pejabat hanya terdapat di pekan Sipitang yang merupakan pusat pentadbiran daerah. Di sini terdapat Pejabat Daerah, Jabatan Pertanian, Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Hutan, Pejabat Pos dan Jabatan Tali Air. Peluang untuk bekerja di pejabat adalah terbatas, hanya seorang saja belia dari Kampung Mesapol yang bekerja di pejabat di daerah ini. Walaupun terdapat beberapa buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah di daerah ini, tetapi pekerjaan sebagai guru tidak begitu popular bagi penduduk di kawasan ini terutama para belia. Guru-guru yang terdapat di sekolah-sekolah adalah terdiri dari orang luar. Kebanyakan guru-guru yang mengajar di sekolah menengah terdiri dari guru-guru yang didatangkan dari Semenanjung dan mengajar di kawasan ini secara kontrek. Hampir semua belia yang mempunyai kelulusan persekolahan yang baik terpaksa keluar dari kampung untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan yang mereka miliki.

Ketua Anak Negeri Dan Fungsinya

Berbeza dengan di Semenanjung nama ketua kampung di kawasan ini dan Sabah secara umum, dikenali dengan gelaran Ketua Anak Negeri (Native Chief). Di Semenanjung gelaran yang lazim digunakan ialah Tok Penghulu. Jawatan ini dibuat melalui perlantikan oleh kerajaan yang didasarkan kepada kebolehan, kecekapan dan pengalaman serta sokongan dari penduduk tempatan. Oleh yang demikian faktur pencapaian lebih diutamakan bukan berdasarkan soal keturunan. Ketua Anak Negeri adalah satu jawatan yang dipandang tinggi dan setaraf dengan pegawai-pegawai kerajaan yang lain. Ianya diakui oleh kerajaan, disahkan oleh undang-undang, ditentukan peraturannya serta tanggungjawab dan diberi gaji yang lumayan. Kerana itu jawatan tersebut dipandang mulia dan berpengaruh baik dari segi politik mahupun kehidupan sosial seluruhnya.

Walau bagaimanapun jawatan Ketua Anak Negeri bagi Kampung Mesapol ini masih baru. Ianya diadakan pada tahun 1973, bila penduduk-penduduk di kawasan ini mendesak kerajaan negeri supaya melantik seorang Ketua Anak Negeri. Sebelum ini tugas ketua bagi penduduk-penduduk di kawasan ini dipegang oleh wakil rakyat. Wakil rakyat ini lazimnya seorang yang berpengaruh dan aktif dalam politik dan dengan itu menjadikannya ketua politik yang mempunyai sifat-sifat kepimpinannya sendiri. Di samping mempunyai sifat-sifat kepimpinan, seorang ketua itu juga mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh, berkemampuan dan sudah pasti memiliki harta yang banyak khususnya tanah.

Fungsi Ketua Anak Negeri pada dasarnya sama dengan fungsi seorang penghulu seperti yang terdapat di kampung-kampung di

Semenanjung¹. Dari gelarannya itu sudah menunjukkan bahawa ianya Ketua bagi penduduk-penduduk dalam berbagai aspek samada dalam kegiatan politik, sosial maupun kebudayaan. Hanya dari segi aktibiliti-aktibiliti ugama, Ketua Anak Negeri tidak berfungsi sebagai ketua. Dalam soal ini, seperti lazim diketahui bahawa imam merupakan ketua ugama. Namun demikian peranan dan pengaruh Ketua Anak Negeri dalam menentukan pemilihan seorang imam adalah besar. Hal ini harus disedari kerana Ketua Anak Negeri, jika ia seorang Islam, mempunyai hubungan yang rapat dengan Majlis Ugama Islam. Sebab itu seorang imam yang dilantik mesti mendapat restu dari Ketua Anak Negeri. Ini benar bagi Kampung Mesapol, kerana perkara tersebut pernah berlaku.

Walaupun Ketua Anak Negeri bukan ketua ugama pada dasarnya, tetapi ia sangat aktif dalam kegiatan-kegiatan atau upacara yang bersangkut paut dalam ugama. Hal ini jelas terutama dalam soal-soal kenduri kesyukuran, sambutan Maulud Nabi, mesyuarat keugamaan, kegiatan-kegiatan amal hatta menghadiri kematian itu juga merupakan satu kemestian sekalipun pada masa itu ia sibuk dengan urusan pejabatnya.

Tugas Ketua Anak Negeri yang paling jelas malah lebih penting ialah dalam aspek sosial. Aspek ini sebenarnya terlalu luas kerana meliputi secara keseluruhan aktibiliti-aktibiliti kehidupan penduduk kampung. Beliau bertanggungjawab atas soal ketenteraman dan kebajikan kampung. Atas sifatnya sebagai ketua, beliaulah yang memastikan bahawa

¹ Mengenai fungsi penghulu, sila lihat Syed Husin Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1977, m.s. 171 - 194.

kampung itu sentiasa dalam keadaan aman, mengambil berat tentang kebijakan sosial, menyelesaikan sebarang perbalahan dan kekacauan. Dalam soal ini kedudukan Ketua Anak Negeri adalah seperti orang tengah yang membolehkannya berlaku adil tanpa berat sebelah dan dapat menyelesaikan sebarang pertingkahannya tanpa menyinggong mana-mana pihak. Umpamanya bila terdapat soal-soal penceraian, perbalahan keluarga serta rasa tidak puas hati penduduk terutama dalam soal tuntutan penduduk kampung atas perkara-perkara kebijakan bersama, maka hal ini akan dirujukan kepada Ketua Anak Negeri untuk diselesaikan.

Gelaran Ketua Anak Negeri ini sebenarnya tidaklah diketahui asal usulnya, tetapi apa yang jelas gelaran ini sudah ujud sejak zaman kolonial lagi dan ianya masih kekal hingga hari ini. Sejarah juga membuktikan bahawa sebelum Inggeris bertapak di negeri Sabah, memang telah sedia ujud satu sistem di dalam masyarakat tempatan di mana orang yang popular dan ternama di kalangan ahli-ahli masyarakat itu dipilih untuk mengepalai atau mengetuai suku kaum masyarakat tersebut. Orang yang dipilih ini bukan saja memainkan peranan kepimpinan dalam masyarakat tersebut, tetapi lebih jauh daripada itu, mereka diberi kuasa untuk mentadbir dan menguruskan keluhoran 'native custom' atau adat resam setempat. Kadatangan Inggeris telah memperkuatkan lagi tugas dan tanggungjawab Ketua Anak Negeri untuk mengurus hal-hal yang bersabit dengan adat resam dan kebudayaan penduduk setempat.

Di sini perlu juga ditegaskan bahawa peranan-peranan asas Ketua Anak Negeri itu di peringkat permulaan adalah yang

bersabit dengan soal-soal adat resam masyarakat setempat. Sungguh pun peranan ini tidak begitu jelas pada peringkat awalnya, kerana tiada terdapat sebarang panduan dalam bentuk tulisan sebagaimana hari ini, namun ahli-ahli masyarakat mengakui serta mengiktirafkan orang yang dipilih sebagai pemimpin yang mengendalikan soal-soal 'native custom' ini. Antara tugas-tugas ini termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan nikah kahwin, pergaduhan di kalangan anggota keluarga, hak atau pembahagian harta dan juga lain-lain perkara yang berkenaan dengan adat resam. Buat kebelakangan ini, pihak kerajaan telah menggubalkan ordinan-ordinan tertentu yang ditujukan khas kepada Ketua Anak Negeri dengan membekalkan kuasa-kuasa sebagai seorang pengadil di mahkamah-mahkamah anak negeri di seluruh negeri Sabah. Ordinan-ordinan ini dengan terang dan nyata memberi panduan akan proses-proses pembicaraan, hukuman dan denda.

Ketua Anak Negeri merupakan pemimpin di peringkat akar umbi yang paling dekat sekali dengan ahli-ahli masyarakat di tempatnya. Sungguhpun demikian, tiada terdapat catitan atau arahan yang jelas akan penglibatan Ketua Anak Negeri dalam pengurusan dan pentadbiran projek-projek pembangunan di tempat-tempat mereka, baik secara langsung atau tidak. Apa yang diketahui hanyalah tentang perlunya Ketua Anak Negeri untuk sentiasa memelihara ketenteraman dan perpaduan anak buah di bawah jagaannya. Ketua Anak Negeri juga diharapkan agar memimpin anak-anak buahnya untuk menganuti adat-adat resam yang sesuai dengan perkembangan zaman. Dengan ertikata yang lain, Ketua Anak Negeri dikehendaki mempengaruhi ahli masyarakat di kawasannya untuk meninggalkan adat-adat yang menghalang kemajuan.

Oleh itu, Ketua Anak Negeri bolehlah dianggap sebagai agen pembangunan yang penting terutama dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan luarbandar. Malah orang yang banyak membuat inisiatif dalam projek-projek pembangunan luarbandar itu adalah Ketua Anak Negeri sendiri. Penglibatan Ketua Anak Negeri secara langsung dapat dilihat di semua projek-projek pembangunan luarbandar seperti Kooperasi Pembangunan Desa, projek penanaman sayur, sekim penanaman padi dan seumpamanya.

Kemudahan Pelajaran Dan Pendidikan

Sekolah-sekolah kerajaan merupakan institusi pendidikan secara formal kepada anak-anak di Kampung Mesapol. Terdapat dua institusi pendidikan yang mempunyai organisasi yang teratur iaitu sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah ugama Islam yang di bawah pentadbiran Majlis Ugama Islam Sabah. Bagi Kampung Mesapol terdapat sebuah sekolah rendah yang mula-mula dibuka pada tahun 1960. Nama yang pertama diberikan kepada sekolah ini ialah Government Primary School, kemudian diubah kepada Sekolah Rendah Kerajaan, Mesapol pada tahun 1966. Sekolah ini dapat menampung pelajar-pelajar di sekitar Kampung Mesapol dan mempunyai tenaga pengajar yang cukup. Pada masa ini sekolah tersebut dapat memberikan pendidikan formal yang diperlukan oleh anak-anak bagi penduduk di sekitar kampung ini. Untuk meneruskan persekolahan ke sekolah menengah pelajar-pelajar terpaksa berulang alik ke pekan Sipitang kerana sekolah menengah terdapat di situ, iaitu Sekolah Menengah Pengiran Omar Ali. Ianya merupakan satu-satunya sekolah menengah di daerah

Sipitang dan dapat menampung pelajar-pelajar dari seluruh pelusuk daerah ini. Sekolah ini lengkap dengan kemudahan-kemudahan asrama, dewan, rumah guru dan mempunyai tenaga pengajar yang cukup khususnya apabila guru-guru kontrek didatangkan dari Semenanjung.

Kebanyakan belia dari Kampung Mesapol hanya mencapai taraf persekolahan setakat peringkat sekolah menengah yang terdapat di Sipitang, iaitu setakat tingkatan lima - peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Ini disebabkan kelas tingkatan enam tidak ada di sekolah tersebut. Hal ini pun mungkin disebabkan kekurangan bilik-bilik darjah dan juga kekurangan bilangan pelajar-pelajar yang berjaya melayakan ketingkatan enam. Peluang bagi pelajar-pelajar untuk meneruskan persekolahan keperingkat yang lebih tinggi hanya boleh didapati melalui sekolah-sekolah di luar dari daerah Sipitang. Setakat ini pelajar-pelajar dari Kampung Mesapol yang berjaya memasuki tingkatan enam cuma seramai 5 orang atau 3.3%, akan tetapi kesemua mereka ini bersekolah di Semenanjung manakala yang bersekolah di Sipitang tidak seorang pun yang berjaya memasuki tingkatan enam.

Oleh kerana itu pelajar-pelajar yang mempunyai kelulusan yang terbaik dalam peperiksaan darjah enam ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah menengah di Semenanjung melalui bantuan biasiswa Yayasan Sabah. Rancangan pihak Yayasan Sabah menghantar pelajar-pelajar Sabah ke sekolah-sekolah menengah di Semenanjung bermula pada tahun 1967. Sehingga kini jumlah pelajar dari Kampung Mesapol yang bersekolah di Semenanjung atas

bantuan Biasiswa Yayasan Sabah ialah seramai 19 orang. 15 orang darinya sudahpun menamatkan persekolahan dan memperolehi pekerjaan manakala 4 orang lagi masih menuntut. Pada keseluruhannya, Sekolah Rendah Kerajaan, Mesapol berjaya memainkan peranannya dalam memenuhi keperluan pendidikan bagi anak-anak di Kampung tersebut.

Sekolah Ugama Islam

Terdapat sebuah Sekolah Ugama Islam di kampung ini yang ditubuhkan pada awal tahun 70'an. Ianya ditubuhkan untuk memenuhi keperluan pendidikan moral dan ugama bagi anak-anak di sekitar Kampung Mesapol. Kelas pendidikan ugama ini diadakan pada sebelah petang yang mana membolehkan murid-murid yang bersekolah pagi mengikuti kelas ugama ini. Organisasi dan peraturan sekolah ugama ini boleh dikatakan tersusun dan berbentuk formal. Sebenarnya Sekolah Ugama Islam ini adalah merupakan salah satu usaha yang dijalankan oleh Majlis Ugama Islam Sabah. Tenaga pengajar sekolah ugama ini terdiri dari guru-guru ugama yang terlatih dan mereka ini khusus didatangkan dari Semenanjung di bawah rancangan Majlis Ugama Islam Sabah. Kelas pendidikan ugama diadakan secara berperingkat-peringkat, bermula dari darjah satu hingga darjah enam. Pelajar-pelajar yang tamat darjah enam berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ugama yang terdapat di Kota Kinabalu malah ada pula yang bernasib baik terpilih untuk dihantar ke Semenanjung untuk menjadi ustaz atau ustazah.

Selain dari Sekolah Ugama Islam, institusi masjid juga penting dalam memenuhi keperluan pendidikan moral dan ugama di Kampung Mesapol akan tetapi keadaannya tidaklah berbentuk formal.

Pelajaran yang berhubung dengan soal-soal keugamaan diadakan pada waktu malam, ini termasuklah membaca Quran, berzanji dan juga ilmu tauhid. Ini diajar secara sukarela oleh beberapa orang penduduk terutama orang-orang tua yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas tentang ugama. Sesiapa pun yang berminat boleh menghadiri pelajaran tersebut tanpa sebarang yuran atau sugu hati. Selain dari kanak-kanak, kerap kali terdapat juga orang-orang dewasa yang menghadiri pelajaran tersebut. Sebenarnya tiada sebarang peraturan tertentu berhubung dengan pelajaran ugama yang diadakan di masjid ini. Ianya diadakan tanpa mengikut masa yang tetap, pada masa-masa tertentu ianya diadakan pada tiap-tiap malam tetapi pernah juga berlaku di mana ianya diadakan dua atau tiga kali dalam sebulan. Walau bagaimanapun, sejak Sekolah Ugama Islam ditubuhkan, institusi masjid ini tidaklah begitu aktif seperti sebelumnya.

Aktibiti Sosial Dan Kebajikan

Oleh kerana majoriti penduduk di kampung ini berugama Islam maka kebanyakannya aktibiti-aktibiti sosial lebih menumpukan kepada soal-soal keugamaan. Bila saja terdapat upacara-upacara keugamaan, maka penduduk kampung akan bertemu, berkumpul di dalam satu perpaduan yang erat sesuai dengan corak masyarakat kampung. Perhubungan antara individu dengan individu lain lebih kerap dan langsung. Perhubungan ini bukan setakat dari segi sosial malah sampai kepada pekerjaan yang mana mereka sering bantu membantu. Institusi gotong royong masih lagi ujud, akan tetapi kadar kekerapannya ternyata sudah nampak berkurangan. Ini mungkin disebabkan kurangnya penyertaan dari golongan muda.

Bila saja diadakan usaha gotong royong membersihkan masjid, membina jembatan atau membersihkan kuburan jelas sekali anggota-anggota masyarakat yang mengambil bahagian terdiri dari golongan tua atau yang separuh umur, amat sedikit golongan belia malah kerja-kerja seumpama ini pun memerlukan peruntukan kewangan. Adalah dikhawatirkan bahawa pada jenerasi akan datang institusi gotong royong ini akan lenyap.

Walaupun angin perubahan sudah mula dirasai dalam struktur masyarakat kampung ini, namun perpaduan sosial masih lagi kuat. Hal ini masih dapat diperhatikan bila saja ada upacara kenduri samada untuk tujuan kesyukuran ataupun kematian. Penduduk kampung masih tidak mengingini anggota masyarakatnya yang tidak mengambil bahagian atau turut serta dalam upacara-upacara berkenaan. Ini ada hubungannya dengan kewajipan ugama Islam yang mereka patuhi. Dengan ini mereka tetap memandang penting upacara-upacara seperti sambutan Maulud Nabi, Majlis Khatam Quran, upacara bersunat, sembahyang terawih di bulan Ramadhan dan upacara-upacara keugamaan yang lain.

Adalah menjadi tradisi bagi penduduk Kampung Mesapol bahawa setiap hari Jumaat diadakan 'tamu'. Tamu adalah istilah yang digunakan untuk tujuan keramaian yang diadakan di pekan Mesapol. Ianya tidak jauh berbeza dengan 'pekan sehari' atau 'pasar minggu'. Pada setiap hari Jumaat penduduk kampung akan keluar ke pekan dan biasanya pada hari ini mereka tidak bekerja. Ini sebenarnya merupakan kegiatan sosial untuk tujuan berihat dari bekerja dan memudahkan mereka melakukan fardhu Jumaat.

Kemudahan-kemudahan sosial boleh dikatakan masih terlalu

kurang, kalau adapun tidaklah begitu memuaskan. Begitu juga tempat-tempat hiburan dan rekreasi amat sedikit dan terbatas. Penduduk kampung selalu menghabiskan masa di kedai-kedai kopi yang juga merupakan tempat bertemu, berbual dan berbincang sesama sendiri terhadap masalah-masalah yang dihadapi bersama. Juga untuk tujuan-tujuan membuat rancangan yang memerlukan persetujuan-persetujuan dari mereka sesama sendiri ataupun semata-mata untuk mengisi masa lapang setelah berpenat lelah bekerja. Berlainan pula dengan golongan belia yang selalu berkumpul-kumpul tanpa tujuan tertentu melainkan menghabiskan masa sehari-hari. Mereka ini kebanyakannya menganggur dan selalu tidak menetap di kampung melainkan berulang alik ke bandar secara berkumpulan untuk mencari kesempatan-kesempatan pekerjaan.

Persatuan-persatuan Belia Kampung

Beberapa persatuan memang terdapat di kampung ini akan tetapi tidak begitu banyak bergiat malah ujud pada nama saja. Antara persatuan-persatuan belia yang pernah diujudkan termasuklah Persatuan Belia-Belia Kampung, Persatuan Bola Sepak Mesapol serta Pertubuhan Nasyid yang keanggotaannya hanya terbatas kepada perempuan saja. Di suatu ketika dulu pernah terdapat Pertubuhan Persaudaraan Nasrul Haq yang bergiat pada pertengahan tahun 1977, tetapi organisasi pertubuhan tersebut kini sudah diberhentikan, setelah begitu aktif selama setahun. Sebab-sebab diberhentikan tidaklah dapat dipastikan walaupun semasa ianya baru di perkenalkan sambutannya sangat menggalakan hingga keanggotaannya meliputi orang-orang dewasa. Kemungkinan pertubuhan ini terhenti berpunca dari desakan yang dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu yang

meragui kegiatan tersebut.

Selain dari itu terdapat juga kegiatan belia yang dikenali sebagai Angkatan Kebangsaan Belia Islam Sabah (AKBIS). Persatuan ini berpusat di Sipitang tetapi mempunyai ahli yang ramai termasuk juga beberapa orang belia dari Kampung Mesapol. Ianya mula bergiat pada awal tahun 1977, bermula dengan pendaftaran beberapa orang ahli dan mengadakan beberapa kali mesyuarat. Walau bagaimanapun, persatuan ini tidak terus aktif kerana terdapat golongan tertentu yang meragui persatuan tersebut kerana dipengaruhi oleh sebuah parti politik. Dengan itu persatuan tersebut tidak mendapat sokongan dari sebilangan penduduk yang mempercayai bahawa ada tujuan-tujuan politik di sebalik kegiatan persatuan tersebut. Akhirnya kegiatan persatuan itu senyap begitu saja.

Kegiatan-kegiatan belia di kampung ini sangatlah terbatas, tidak aktif seolah-olah kaku begitu saja. Umpamanya Persatuan Belia Kampung mempunyai keahlian yang tidak tetap. Ini tidak hairan kerana kebanyakan belia di kampung ini telah berhijrah dan keluar dari kampung. Begitu juga Persatuan Bola Sepaknya hanya aktif pada satu-satu musim sahaja, khususnya pada musim pertandingan diadakan. Walaupun persatuan-persatuan ini mempunyai peraturan yang tersusun tetapi oleh kerana kebanyakan ahli-ahli persatuan ini jarang berada di kampung maka sukarlah ianya untuk dimajukan.

Dari apa yang berlaku dapat disimpulkan bahawa para belia di kampung ini masih tidak tahu berpersatuan bukan kerana mereka tidak minat tetapi tidak ada orientasi ke arah memahami erti persatuan itu sendiri. Persatuan-persatuan yang pernah ujud tidak mempunyai organisasi

yang teratur dan berkesan, tambahan pula tidak ada tenaga pemimpin yang benar-benar berkebolehan untuk mengendalikan persatuan tersebut. Sebabnya yang utama ialah belia kampung yang terpelajar tidak menetap di kampung dan mereka ini balik pada masa-masa tertentu saja. Walaupun terdapat persatuan pada zahirnya tetapi tidaklah layak diterima dengan erti yang sebenarnya kerana persatuan-persatuan yang ada itu tidak tersusun, tidak menarik minat belia-belia malah keujudannya pun tidak berdaftar.

Persatuan belia ini tidaklah seaktif Persatuan Ibu Bapa Guru dan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak kerajaan sebagaimana halnya perhatian yang serius terhadap Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung (JKK). Kedua-dua Persatuan Ibu Bapa Guru dan Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung mendapat perhatian yang luas samada oleh orang-orang kampung sendiri mahupun orang-orang yang mempunyai kepentingan politik. Tidak hairanlah kedua-duanya bergerak cergas pada setiap tahun.

Kemasukan Orang-orang Luar

Oleh kerana terdapat beberapa bentuk hubungan dengan 'dunia luar', khususnya hubungan dengan bandar, Kampung Mesapol kerap menerima kemasukan orang-orang luar. Kegiatan perusahaan kayu balak yang terdapat berhampiran dengan kawasan ini menarik beberapa orang pengusaha syarikat kayu balak terutamanya taukeh-taukeh serta juga pekerja-pekerja asing untuk datang ke kawasan ini. Dengan tertubuhnya beberapa buah syarikat kayu balak seperti Sri Beaufort, Sri Labuan dan Syarikat Mega, maka ramailah pekerja-pekerja dari luar daerah ini datang bekerja di syarikat-syarikat tersebut. Kebanyakan dari mereka terdiri

dari bangsa Bugis dan Timor manakala penduduk tempatan tidak ramai bilangannya. Orang Bugis dan Timor bukanlah suku bangsa bumiputra Sabah, sebenarnya mereka ini berasal dari Makasar dan Pulau Sulewesi, Indonesia yang berhijrah ke merata-rata tempat di Sabah. Walau bagaimana-pun, mereka ini tidak lama menetap di Kampung Mesapol, bila habis tempoh perusahaan membalak itu atau syarikat mereka ditutup, mereka akan meninggalkan kampung ini. Hubungan mereka dengan penduduk tempatan tidaklah rapat, ini kerana mereka lebih banyak menumpukan masa dalam perusahaan membalak tambahan pula mereka tidak banyak bercampur gaul dengan penduduk tempatan. Di samping itu, mungkin juga akibat sikap para penduduk kampung yang terlalu 'suspicious' terhadap orang-orang luar khususnya kepada kedua-dua bangsa tersebut.

Selain dari orang Bugis dan Timor, orang luar yang menetap di Kampung Mesapol termasuk juga orang Melayu Semenanjung yang terdiri dari guru-guru sekolah dan guru-guru ugama. Mereka ini ada yang masih bujang dan ada juga yang sudah berkeluarga. Kebanyakannya telah menetap di kampung ini lebih dari lima tahun. Oleh kerana tugas mereka sebagai guru atau ustaz, mereka selalu mendampingi dan bercampur gaul dengan penduduk tempatan. Oleh itu hubungan mereka dengan penduduk tempatan adalah rapat sekali tambahan pula mereka ini pandai menyesuaikan diri malah setengahnya boleh bertutur mengikut daelak tempatan. Jadi, mereka ini dengan mudah saja diterima oleh penduduk tempatan sebagai sebahagian dari anggota masyarakat mereka.

Selain dari hubungan dalam aspek ekonomi dan sosial, hubungan politik juga penting antara Kampung Mesapol dengan 'dunia luar', khususnya

dengan pihak pemerintah. Hubungan dalam bentuk ini melibatkan soal-soal obligasi, authoriti dan pentadbiran. Satu perkara penting berhubung dengan politik ialah kegiatan parti-parti politik. Kegiatan parti-parti politik telah ujud sejak 1963 lagi. Pada tahun tersebut terdapat beberapa cawangan parti politik di Kampung Mesapol, iaitu USNO (The United Sabah National Organization), UNKO (The United Kadazan National Organization) dan Pasok Momogun. Pada tahun 1967, UNKO dan Pasok Momogun telah bergabung dan diberi nama baru iaitu UPKO (United Pasok Momogun Kadazan Organization). Pada tahun 1975, parti Berjaya (Bersatu Rakyat Jelata Sabah) telah ditubuhkan di Sabah. Cawangan parti tersebut telah ditubuhkan di Kampung Mesapol pada tahun yang sama. Pada hari ini hanya terdapat dua cawangan parti politik di Kampung Mesapol iaitu Berjaya dan USNO. Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan ini adalah dari parti USNO manakala Ahli Parlimennya adalah dari parti Berjaya. Oleh kerana itu, pada umumnya, pengaruh kedua-dua parti tersebut adalah sama kuat di kawasan ini. Oleh kerana Ketua Anak Negeri di kawasan ini penyokong kepada parti pemerintah, maka hubungan politik antara kampung ini dengan pemimpin di peringkat pusat adalah baik. Dengan itu, peranan Ketua Anak Negeri adalah penting dalam mengekalkan hubungan ini, sesuai dengan kedudukannya sebagai perantara kerajaan dan rakyat.

BAB III

BELIA YANG BERHIJRAH

Bab ini akan membincangkan tentang belia yang telah berhijrah ke bandar dengan menganalisa dari segi umur, latar belakang keluarga, ekonomi, pelajaran, tempat tujuan dan motif awal penghijrahan tersebut. Di samping itu dibincangkan juga belia yang tidak berhijrah dan sebab-sebab mereka berbuat demikian.

Majoriti Umur

Kajian ini adalah berdasarkan pada 66 orang belia sebagai sampelnya. Mereka ini telah keluar meninggalkan Kampung Mesapol dan kini berada di beberapa pusat bandar. Hampir semua dari mereka terdiri dari laki-laki yang berumur dalam belasan tahun. Penghijrahan mereka ke bandar adalah disebabkan oleh beberapa faktur, antaranya, untuk meneruskan pelajaran, mencari pekerjaan dan pengalaman, jemu duduk di kampung dan pengaruh sosial yang terdapat di bandar. Jadual 1 menjelaskan bahawa majoriti umur mereka mula meninggalkan kampung ialah kurang dari 15 tahun (33%). Pada asasnya, mereka yang meninggalkan kampung pada umur tersebut ialah untuk meneruskan pelajaran mereka di bandar. Ramai juga di antara mereka yang mula meninggalkan kampung ketika berumur 16 tahun dan 18 tahun. Ini menunjukkan bahawa mereka ke bandar setelah tamat tingkatan tiga dan tingkatan lima, samada mereka gagal atau berjaya dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia. Kebanyakan mereka ini ke bandar adalah bertujuan untuk mencari pekerjaan.

Jadual 1

Umur Ketika Mula Meninggalkan Kampung

Umur	Bilangan Belia	Peratus
15 tahun ke bawah	22	33
16 tahun	15	23
17 tahun	7	11
18 tahun	16	24
19 tahun	4	6
20 tahun	2	3
	Jumlah 66	100%

Tempat Yang Dituju

Kota Kinabalu merupakan tumpuan utama penghijrahan belia dari Kampung Mesapol berbanding dengan bandar-bandar lain yang terdapat di Sabah. Bilangan belia yang berhijrah ke bandar tersebut ialah seramai 45 orang atau 68.2% (Lihat Jadual 2). Sebagai sebuah bandar yang menjadi ibu negeri Sabah, Kota Kinabalu memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan dan perkembangan politik, ekonomi dan sosial negeri Sabah. Ini sudah tentu menarik perhatian dan minat bagi setiap penduduk negeri Sabah secara umum. Adalah menjadi hasrat dan keinginan bagi setiap penduduk ini untuk melihat keadaan ibu negeri itu secara lebih dekat lagi, setidak-tidaknya sebagai satu tempat yang menarik untuk dilawati.

Selain dari Kota Kinabalu, terdapat beberapa buah bandar lain di Sabah yang juga menjadi tumpuan para penghijrah tersebut. Ini termasuklah bandar-bandar yang penting di Sabah seperti Sandakan,

Tawau, Beaufort dan beberapa bandar kecil di Residensi Pantai Barat Sabah. Di samping itu tumpuan penghijrah belia ini tidak hanya terhad dalam negeri Sabah sahaja malah ada yang tinggal bertahun-tahun di Semenanjung. Belia yang dimaksudkan ini sebenarnya merupakan penuntut-penuntut yang mengikuti kursus atau yang masih belajar samada di pusat-pusat pengajian tinggi ataupun di sekolah-sekolah menengah di beberapa tempat di Semenanjung. Mereka ini hanya berpeluang balik bercuti ke kampung sekali dalam masa setahun atau dua tahun. Kebanyakan mereka ini belajar di Semenanjung sekurang-kurangnya dalam tempoh lima tahun malah ada yang sampai hingga sepuluh tahun, ini khususnya bagi penuntut-penuntut yang berjaya meneruskan pelajarannya hingga ke peringkat universiti.

Jadual 2

Tempat Tumpuan Penghijrahan

Tempat	Bilangan Penghijrah	Peratus
Kota Kinabalu	45	68.2
Tawau	2	3.0
Sandakan	3	4.6
Beaufort	3	4.6
Semenanjung Malaysia	5	7.6
Membakut	2	3.0
Papar	1	1.5
Weston	1	1.5
Kuala Penyu	1	1.5
Tuaran	1	1.5
Menggatal	1	1.5
Sempurna	1	1.5
	Jumlah 66	100%

Latar Belakang Keluarga Dan Ekonomi

Kebanyakan belia yang berhijrah ini mempunyai latar belakang dari keluarga yang miskin dan berpendapatan sederhana. 49 orang dari mereka (72%) datang dari keluarga yang bekerja sebagai penoreh getah dan mempunyai pendapatan kurang dari \$100.00 sebulan. 4 orang (6%) dari keluarga yang bekerja sebagai peniaga kecil dan 6 orang (9%), ibu bapa mereka tidak lagi bekerja kerana terlalu tua manakala yang lain (11%) datang dari keluarga yang membuat kerja-kerja kampung yang lain seperti mengambil upah atau berkebun. Dengan latar belakang keluarga seperti ini, tentulah kehidupan mereka serba kekurangan malah kadangkala terpaksa menghadapi kesukaran untuk mendapatkan keperluan asas. Kehidupan yang serba sederhana ini telah mereka warisi sejak turun temurun lagi.

Dalam beberapa aspek, apa yang ujud di Kampung Mesapol pada hari ini adalah merupakan lanjutan dari keadaan yang lampau. Sistem ekonomi secukup hidup masih diamalkan pada setengah-setengah keluarga, kadar buta huruf yang masih terdapat belum banyak berubah, sikap dan pandangan yang pasif masih diamalkan dan semua ini menjadi struktur dan sistem masyarakat yang lambat menerima perubahan. Sikap yang sederhana, sambil lewa, kurang berikhtiar, tidak mempunyai pandangan yang jauh kehadapan dan masih berserah kepada nasib mengekalkan mereka sebagai golongan yang miskin. Mereka tetap berkeadaan seperti ini meskipun beberapa usaha pembangunan disogokan kepada mereka. Dengan kata lain, untuk memahami masyarakat ini, cukuplah dengan mengingat akan struktur dan sistem masyarakat tradisional, setidak-tidaknya dari segi struktur ekonominya.

Bila membincangkan keadaan ekonomi masyarakat kampung, subjek yang penting ialah soal pemilikan tanah. Kemudian ini boleh dihubungkan kepada masalah penguasaan tanah, pemasaran, penyusunan tenaga kerja, teknologi dan cara pengeluaran tani. Antara masalah-masalah tersebut, masalah pemilikan dan penguasaan tanah yang paling banyak diperkatakan kerana memang terdapat bahawa ada keluarga yang tidak memiliki tanah langsung. Dalam konteks masyarakat tani di Kampung Mesapol, boleh dikatakan semua keluarga memiliki tanah sendiri, akan tetapi rata-rata dari keluarga ini hanya mampu memiliki tanah pada kadar keluasan yang kecil. Pada umumnya mereka memiliki tanah kurang dari tiga ekar.

Penggunaan tanah tidak secara ekonomikal dan sejak dari dulu lagipun, pemilikan tanah bukanlah untuk tujuan ini. Dari segi penyusunan tenaga kerja serta teknologi dan cara pengeluaran tani, memang benar bahawa pengeluaran yang berdasarkan kepada tenaga famili saja (tanpa penyusunan tenaga secara kolektif) dan penggunaan teknologi yang rendah tidak akan menghasilkan pengeluaran yang tinggi. Gejala yang masih lagi terdapat ialah pemecahan tanah kepada yunit-yunit yang semakin kecil. Ini berlaku bila terdapat pembahagian tanah pusaka kepada waris-waris yang masing-masing mengharapkannya. Akibatnya terjadilah keadaan di mana keluasan tanah yang kecil tidak dapat menampung keperluan anggota keluarga yang ramai. Begitu juga, masih terdapat anggapan bahawa tanah merupakan harta untuk menjamin kesusahan dan kemalaratan di masa depan, digunakan sebagai bahan gadaian bila sudah terdesak.

Gambaran yang diceritakan ini adalah merupakan latar belakang kehidupan keluarga dan struktur ekonomi bagi belia yang berhijrah itu.

Kini mereka tidak berkeinginan lagi untuk meneruskan cara hidup sedemikian rupa. Mereka berhijrah dalam umur yang masih muda, meninggalkan masyarakat mereka dan memasuki masyarakat lain tanpa banyak memikirkan soal-soal cabarannya. Ini bukan bererti mereka tidak tahu melakukan kerja-kerja kampung - kerja bersawah dan menoreh getah. Mereka disosialisasikan dalam lingkungan masyarakat tani yang mana sudah menjadi kemestian bahawa setiap anak lelaki akan membantu ayahnya mengerjakan sawah atau menoreh getah. Ini bukanlah satu perkara yang mustahil khususnya bagi masyarakat yang menganggap bahawa kehadiran anak-anak kesekolah bukanlah satu perkara yang mustahak dan boleh diberhentikan bila-bila masa jika mereka mengkehendakinya. Aspek-aspek sosio-budaya seperti nilai, sikap, pandangan dan gaya hidup dan struktur sosial masyarakat itu memang memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan "kemunduran" anggota-anggota masyarakatnya. Kerana itu kemampuan dari sistem pelajaran yang diadakan untuk mengubah sikap penduduk kampung masih belum dapat memberi kesan yang memberansangkan.

Struktur dan sistem kekeluargaan dalam masyarakat di Kampung Mesapol masih belum banyak berubah. Belia yang berhijrah itu adalah berasal dari jenis keluarga besar (extended family), mereka mempunyai adik beradik yang ramai dan mempunyai tiga jenerasi yang menduduki sebuah rumah yang mana menjadikannya satu unit kekeluargaan yang lengkap. Oleh kerana bentuk keluarga orientasi masih merupakan sifat umum bagi kekeluargaan dalam masyarakat kampung, adik-beradik yang tua seperti abang atau kakak diharapkan membantu ibu bapa menjaga adik kecil. Bila terdapat anak-anak yang sulung dan meningkat remaja, dan mereka ini berhijrah meninggalkan kampung, secara tidak langsung ia memberi

kesan terhadap institusi keluarga orientasi, seolah-olah mereka yang berhijrah ini lari dari tanggungjawab yang diharapkan dan dijangka oleh masyarakat. Namun demikian perkara ini tidaklah menjadi persoalan sehingga membangkitkan konflik antara sesama anggota keluarga, malah dalam masa yang sama, kebanyakan ibu bapa begitu mengharap akan anak-anak mereka yang berhijrah itu agar dapat membantu mereka memberikan sebarang keperluan material khususnya dalam bentuk kewangan.

Dalam setengah-setengah aspek, latar belakang kekeluargaan belia yang berhijrah itu seolah-olah bertentangan dengan aspirasi mereka untuk berhijrah. Akan tetapi atas pertimbangan-pertimbangan yang menasabah, gejala penghijrahan itu tetap berlaku tanpa sebarang sekatan samada dari segi nilai kehidupan kekeluargaan maupun dari struktur ekonomi masyarakat kampung. Ini ada hubungannya dengan sikap dan pandangan jenerasi baru itu yang lebih bersifat "mobile" dan berdikari kerana apa yang jelas ialah gejala penghijrahan belia ini berlaku dalam keadaan mendadak atau tidak dirancangkan. Gejala ini begitu ketara pada tahun-tahun 70'an seolah-olah tempoh ini merupakan satu era baru di dalam perubahan sosial masyarakat luarbandar di negeri ini. Mungkin juga gejala ini mempunyai hubungan dengan suasana politik dalam negeri khususnya bila berlaku pertukaran kuasa politik dan parti pemerintah di antara pemimpin-pemimpin politik dalam negeri pada tahun 1976.

Pencapaian Pelajaran Dan Persekolahan

Pada asasnya belia yang berhijrah itu mempunyai latar belakang pendidikan formal. Dengan ini mereka mempunyai asas-asas pendidikan

yang diperlukan walaupun masih belum memadai, setidak-tidaknya mereka bukanlah golongan buta huruf. Belia ini mempunyai latar belakang pendidikan sekolah rendah di kampung sendiri, kesemua mereka lulus dalam peperiksaan darjah enam sekolah rendah. Pada tahun-tahun 60'an kelulusan sekolah Melayu seumpama ini masih lagi dibanggakan oleh orang kampung, setidak-tidaknya membolehkan seseorang itu memiliki kerja-kerja pejabat khususnya kerani.

Sebelum tahun 1970, belia dari Kampung Mesapol biasanya akan menyambung pelajaran di sekolah menengah samada dalam aliran Inggeris di Sipitang atau aliran Melayu di tempat lain samada dalam negeri Sabah sendiri atau di Semenanjung. Tidak banyak pilihan bagi mereka untuk memasuki sekolah menengah dalam aliran Melayu. Satu-satunya sekolah menengah yang menerima pelajar-pelajar dari daerah Sipitang terdapat di Keningau, iaitu pusat pentadbiran bagi Residensi Pendalaman Sabah. Pertama kali pelajar-pelajar dari Kampung Mesapol menyambung persekolahan di sekolah menengah di Keningau ialah pada tahun 1969 iaitu seramai 19 orang. Kebanyakan mereka bersekolah hanya setakat tingkatan tiga. Mereka berhenti bukan kerana mereka gagal dalam pelajaran, tetapi tiada tempat untuk menyambung persekolahan mereka kerana pada masa itu belum ada lagi mana-mana sekolah pun di Sabah yang mengadakan kelas tingkatan empat dalam aliran Melayu.

Di samping itu terdapat juga belia yang berhijrah itu pernah bersekolah di Semenanjung. Mereka ada adalah yang bernasib baik kerana terpilih menerima Biasiswa Yayasan Sabah untuk melanjutkan pelajaran sekolah menengah di Semenanjung. Rancangan yang dibuat oleh pihak

Yayasan Sabah ini bermula pada tahun 1967. Kebanyakan mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan sekolah menengah di Semenanjung mempunyai taraf pencapaian pelajaran yang lebih baik dari mereka yang bersekolah di Sabah. Mereka ini memiliki kelulusan sekurang-kurang Sijil Pelajaran Malaysia dan ini dapat menjamin kehidupan mereka kerana ini sudah cukup untuk memperolehi kerja dengan begitu mudah.

Oleh yang demikian, golongan yang menerima pelajaran di Semenanjung ini, mempunyai kecenderungan yang paling kuat untuk berhijrah. Mereka sudah keluar meninggalkan kampung ketika berumur 13 tahun atau 14 tahun, oleh itu pengalaman mereka berpisah dengan keluarga mereka dalam masa yang bertahun-tahun sudah tentu menyenangkan lagi penghijrahan itu berlaku. Ini kerana mereka sudah merasai hidup berasingan dengan keluarga dan dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan yang terpisah dengan kehidupan di kampung mereka sendiri. Setelah mereka tamat persekolahan di Semenanjung mereka akan balik ke Sabah dan bekerja tetapi tidak lagi tinggal di kampung.

Pada tahun 1970, bahasa Melayu telah dijadikan bahasa pengantar di Sekolah Menengah Kerajaan, Sipitang. Walau bagaimanapun bahasa Inggeris masih lagi diteruskan. Oleh itu, kedua-dua aliran Inggeris dan Melayu digunakan di sekolah tersebut. Dengan ujudnya aliran Melayu di sekolah menengah di Sipitang, ini bermakna murid-murid dari daerah ini tidak payah lagi menyambung pelajaran sekolah menengah samada di Keningau ataupun di Semenanjung.

Jadual 3

Latar Belakang Persekolahan

Tempat Sekolah	Bilangan	Peratus
Sipitang	41	62
Keningau	10	15
Kota Kinabalu	3	5
Semenanjung Malaysia	12	18
	Jumlah 66	100%

Berhubung dengan pencapaian pelajaran belia yang berhijrah itu, 31 orang atau 47% memiliki kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia. Manakala 14 orang atau 21% hanya lulus setakat darjah enam sekolah Melayu. Mereka yang termasuk dalam golongan ini, sebenarnya adalah mangsa keciciran. Mereka terpaksa berhenti sekolah dalam usia yang masih muda dan ini adalah diakibatkan oleh beberapa faktur. Pertama, sebab-sebab kesempitan ekonomi, tegasnya kemiskinan keluarga yang tidak berupaya untuk menampung perbelanjaan persekolahan. Kedua, sikap dan nilai anggota masyarakat kampung terhadap persekolahan anak-anak mereka. Sikap dan nilai ini berhubung dengan kejahilan mereka tidak tahu akan kepentingan pelajaran itu untuk masa depan anak-anak mereka, dan ketiga, peluang yang begitu terbatas untuk mereka ini meneruskan pelajaran di sekolah menengah yang mempunyai pengantar bahasa Melayu, khususnya sebelum tahun 1970. Masalah ini juga merupakan faktur yang penting mengakibatkan gejala keciciran.

Walaupun begitu, ada juga sebilangan dari belia yang berhijrah itu mempunyai kelulusan yang lebih baik. Mereka ini merupakan yang bernasib baik dari peluang yang terbatas dan kebanyakannya adalah yang terpilih melanjutkan pelajaran ke Semenanjung. Walau bagaimanapun bilangan mereka adalah terlalu kecil. Umpamanya yang mempunyai kelulusan universiti cuma seramai 3 orang (4%), lepasan maktab 2 orang (3%) dan lulus Sijil Tinggi Persekolahan 2 orang (3%). Gambaran mengenai taraf pencapaian pelajaran para penghijrah tersebut boleh dilihat dari Jadual 4.

Jadual 4

Taraf Pencapaian Pelajaran Belia Yang Berhijrah

Kelulusan	Bilangan	Peratus
Darjah 6	14	21
SRP/LCE	21	32
SPM/MCE	19	29
STP/HSC	2	3
Maktab/Kolej	2	3
Universiti	3	4
Masih menuntut	5	8
	Jumlah 66	100%

Berhubung dengan latar belakang pendidikan moral dan ugama, kebanyakan para belia itu hanya menerima didikan dan asuhan secara tidak langsung dari ibu bapa mereka dan orang-orang

tua yang diperolehi secara warisan. Perlu juga dijelaskan bahawa Sekolah Ugama Islam yang ada sekarang hanya ditubuhkan empat atau lima tahun yang lepas, yang pada waktu itu belia yang berkenaan sudahpun mula berhijrah. Dengan itu mereka tidak berkesempatan untuk menerima pendidikan ugama secara formal seperti yang terdapat pada masa ini.

Motif Awal Penghijrahan

Faktur pelajaran dan pekerjaan merupakan sebab utama para belia itu berhijrah ke bandar. Mereka yang berhijrah ke bandar dengan tujuan mencari kesempatan kerja adalah disebabkan oleh beberapa perkara. Umpamanya, jemu bekerja di kampung, ingin mencari pengalaman ataupun terpengaruh dengan cerita-cerita yang kononnya kerja-kerja yang lebih baik mudah didapati di bandar. Mereka ini tidak lagi bersekolah samada kerana gagal atau tidak mampu meneruskan persekolahan dan mereka merupakan 59% daripada belia yang berhijrah itu. Mereka yang berhenti sekolah biasanya akan membantu keluarga mereka bekerja di kampung khususnya menoreh getah. Ada juga yang bekerja untuk diri mereka sendiri khususnya yang mula belajar berdikari. Mereka ini berbuat demikian dalam masa dua atau tiga tahun selepas mereka berhenti sekolah. Selepas itu mereka mengambil keputusan untuk berhijrah dan meninggalkan pekerjaan mereka di kampung. Mereka berbuat demikian sebab mereka percaya bahawa ada kerja yang lebih baik di bandar daripada menoreh getah di kampung. Oleh yang demikian, terdapat di antara para penghijrah itu yang mempunyai pekerjaan asal di kampung dan mereka merupakan 24%

dari jumlah semua yang berhijrah.

Di samping itu 22% daripada belia yang berhijrah ke bandar itu ialah mereka yang sedang menunggu keputusan peperiksaan. Mereka ini tidak mempunyai pekerjaan asal di kampung akan tetapi terus mencari kerja di bandar. Mereka merasakan bahawa pencapaian pelajaran yang mereka perolehi tidaklah sesuai untuk mereka bekerja di kampung, seperti menoreh getah umpamanya, tetapi layak untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik tarafnya dan ini mereka percayai hanya boleh diperolehi di bandar.

Manakala faktur pelajaran sebenarnya adalah faktur secara langsung. Belia yang berhijrah ke bandar atas sebab-sebab meneruskan pelajaran adalah seramai 25 orang atau 37.8%. Mereka ini belajar di sekolah menengah samada di Keningau, Kota Kinabalu atau di Semenanjung akan tetapi bila mereka tamat belajar mereka lebih tertumpu ke Kota Kinabalu untuk mencari pekerjaan. Mereka mula berhijrah ketika berumur 13 atau 14 tahun dan merupakan golongan yang mempunyai taraf pelajaran yang lebih baik, sekurang-kurangnya memiliki Sijil Pelajaran Malaysia.

Perkara-perkara yang disebutkan tadi adalah merupakan motif awal penghijrahan belia itu ke bandar. Pada asasnya pelajaran dan pekerjaan boleh digunakan sebagai kriteria untuk membincangkan mengenai 'faktur tolakan' dan 'faktur tarikan' yang selalu diperkatakan berhubung dengan penghijrahan penduduk luar-bandar ke bandar. Di samping itu mungkin ada beberapa faktur lain yang sama-sama memainkan peranan penting terhadap gejala ini.

Berhubung dengan ini, ia akan dibincangkan di dalam penganalisaan nanti.

Pada umumnya belia yang berhijrah ke bandar itu berjaya mendapatkan kerja, walaupun ada di antara yang bergaji kecil tetapi lebih baik dari kerja kampung yang mereka buat sebelumnya. Sekurang-kurangnya kedudukan ekonomi mereka di tempat baru itu lebih baik berbanding dengan keadaan mereka semasa di kampung. Dari 66 orang belia yang berhijrah itu 57 orang telah mendapat pekerjaan, 4 orang masih menganggur dan 5 orang masih menuntut. Mengenai jenis-jenis pekerjaan mereka akan dibincangkan pada bab seterusnya.

Belia Yang Tidak Berhijrah

Pada masa ini bilangan belia yang masih berada di kampung lebih kecil berbanding dengan bilangan belia yang berhijrah ke bandar. Dari jumlah keseluruhan belia yang terdapat di Kampung Mesapol, 76% telah berhijrah ke bandar manakala 24% masih berada di kampung. Ini menyebabkan majoriti penduduk kampung, secara umum, terdiri dari golongan tua, dewasa dan kanak-kanak. Terdapat beberapa faktur yang menyebabkan sebilangan belia tidak berhijrah ke bandar. Bagi anak-anak perempuan, masyarakat di kampung ini masih tidak menggalakan mereka untuk meninggalkan kampung, kecuali untuk tujuan belajar atau mereka sudah mendapat pekerjaan akan tetapi mereka mestilah ada keluarga atau saudara di bandar.

Faktur yang penting menghalang keinginan para belia untuk berhijrah ialah tanggungjawab terhadap keluarga mereka, khususnya bagi mereka yang mempunyai ibu bapa yang sudah tua dan tidak mampu bekerja. Mereka ini terpaksa tinggal bersama keluarga untuk menjaga dan

membantu anggota-anggota keluarganya. Biasanya mereka bekerja menoreh getah. Mereka tiada pilihan lain untuk mencari nafkah dan keperluan keluarga. Manakala 28.5% daripada belia yang tidak berhijrah itu disebabkan mereka tidak mempunyai pelajaran dan merasakan lebih senang hidup terus di kampung, kerana mereka kurang tahu tentang pekerjaan di bandar. Sebab lain ialah 23.8% merupakan yang berpuas hati dengan kerja mereka di kampung. Ini termasuk guru sekolah rendah, kerani Lembaga Tabung Getah dan kerani di Pejabat Daerah.

Beliau para belia kampung itu berjalan ke bandar, mungkin mungkin mengalami kesanangan (contact) dengan beberapa orang individu berkecik di bandar. Ibu bapa mereka untuk datang ke bandar dan mendapatkan tempat tinggal semestinya. Beliau mereka individu-individu tertentu yang secara umumnya bandar iku merupakan rakan-rakan sejati yang bertujuan ke arah lebih dahulu dari mereka.

Sekarang kita langsung serata ini, mengalihrukan kreditangan belia itu ke bandar. Ini terjadi bila belia yang lemah dahulu berhijrah ke bandar ke kampung dan menceritakan tentang kehidupan di bandar mengalami mereka, tentang kebebasan, bisnes, pekerjaan dan keseronokan hidup di bandar. Perkara-perkara seumpam ini menarik minat para belia itu dan mendorongkan lagi keinginan mereka untuk datang ke bandar, mungkin mereka juga dapat memikerti kehidupan yang sama dengan rakan-rakan mereka yang sudah berhijrah itu. Bila ada si antara mereka berpeluang untuk tinggal di bandar, menyertai pekerjaan dan pendapatan yang tetap, ini akan membantuan sebilangan yang lain iaitu hati dan juga mencari kesempatan-kesempatan lain

BAB IV

KEHIDUPAN BELIA PENGHIJRAH DI BANDAR

Bab ini akan membincangkan bagaimana proses penghijrahan itu berlaku, pekerjaan, pendapatan, tempat tinggal, kebebasan dan gaya hidup serta masalah kehidupan di bandar yang dihadapi oleh belia berkenaan. Di samping itu dibincangkan juga intergrasi mereka dengan keluarga di kampung.

Proses Penghijrahan

Sebelum para belia kampung itu berhijrah ke bandar, mereka sudahpun mempunyai hubungan (contact) dengan beberapa orang individu tertentu di bandar. Ini memudahkan mereka untuk datang ke bandar dan mendapatkan tempat tinggal sementara. Sebenarnya individu-individu tertentu yang mereka kenali di bandar itu merupakan rakan-rakan mereka yang berhijrah ke bandar lebih dahulu dari mereka.

Secara tidak langsung mereka ini mempengaruhi kedatangan belia itu ke bandar. Ini terjadi bila belia yang lebih dahulu berhijrah itu balik ke kampung dan menceritakan tentang kehidupan di bandar, pengalaman mereka, tentang kebebasan, hiburan, pekerjaan dan keseronokan hidup di bandar. Perkara-perkara seumpama ini menarik minat para belia itu dan menambahkan lagi keinginan mereka untuk datang ke bandar, supaya mereka juga dapat menikmati kehidupan yang sama dengan rakan-rakan mereka yang sudah berhijrah itu. Bila ada di antara mereka berpeluang untuk tinggal di bandar, mempunyai pekerjaan dan pendapatan yang tetap, ini akan membuatkan sebilangan yang lain iri hati dan terus mencari kesempatan-kesempatan lain

yang membolehkan mereka tinggal di bandar dan mempunyai pekerjaan yang tetap.

Semakin ramai rakan-rakan mereka berjaya memperolehi pekerjaan dan tempat menetap di bandar, semakin terbuka peluang mereka untuk datang ke bandar. Antara sebabnya ialah tiada kesukaran untuk mencari tempat kediaman, mereka akan menumpang di rumah rakan-rakan mereka ini. Hal seumpama ini memang tidak menjadi masalah kerana para belia ini sudah biasa dengan kehidupan secara berkawan-kawan dalam satu kumpulan sebagaimana keadaannya semasa mereka di kampung. Pada waktu-waktu permulaan kehidupan mereka di bandar, anggapan mereka terhadap 'kawan sekampung' ini sangat kuat, ini mungkin kerana mereka masih merasakan perlu berbuat demikian bila mereka menganggotai satu masyarakat baru, masyarakat yang berbeza dari latar belakang mereka. Keadaan-keadaan seperti ini memerlukan satu pengantungan yang kuat antara satu sama lain yang mana ini hanya boleh dilakukan kepada orang-orang yang dikenali rapat. Secara langsung ini menjamin keselamatan mereka kerana dalam satu situasi yang baru, perpaduan bersama itu dirasakan amat perlu.

Di samping itu terdapat beberapa faktur sampingan yang menyenangkan lagi penghijrahan belia itu ke bandar. Antara lain ialah kesan komunikasi yang terdapat di negeri Sabah itu sendiri. Masa perjalanan yang singkat dan kemudahan pengangkutan yang teratur serta mudah diperolehi, mempercepatkan lagi seseorang itu untuk bergerak dari satu tempat ke tempat lain tanpa menghadapi sebarang bahaya. Walaupun terdapat beberapa rangkaian sistem perhubungan

yang belum begitu sempurna, tetapi kenderaan mudah diperolehi dan tidaklah memerlukan masa yang lama. Masa perjalanan antara Kampung Mesapol dengan Kota Kinabalu, umpamanya, hanya mengambil masa tidak sampai lima jam. Jika dibandingkan dengan masa sepuluh tahun dahulu, ianya memerlukan masa sehari perjalanan. Perbelanjaan yang diperlukan dalam perjalanan juga agak murah.

Di awal-awal tahun 70'an adalah merupakan masa yang penting berlakunya perpindahan para belia itu ke bandar. Setiap tahun bilangan belia yang datang ke bandar adalah bertambah. Ini dapat dilihat dari Jadual 5.

Jadual 5

Bilangan Belia Yang Berhijrah Ke Bandar Dari Tahun 1967 Hingga 1978

<u>Tahun</u>	<u>Bilangan</u>
1967	1
1968	3
1969	5
1970	1
1971	0
1972	4
1973	7
1974	7
1975	16
1976	5
1977	10
1978	7
Jumlah	66

Sehingga ke tahun 1970, jumlah semua belia yang berhijrah ke bandar ialah 10 orang. Manakala pada tahun 1975 jumlah ini telah bertambah hingga 44 orang. Seterusnya, sehingga ke tahun 1978, jumlah semua yang berhijrah ialah 66 orang. Dengan ini dapatlah dianggarkan bahawa pada tahun-tahun yang akan datang bilangan belia yang berhijrah ke bandar akan terus bertambah. Pada tahun 1975, bilangan yang berhijrah adalah paling ramai iaitu 24% dari jumlah keseluruhan. Satu sebab yang penting ialah pada tahun tersebut sebuah hotel yang bertaraf antarabangsa telah dibuka di Kota Kinabalu dan memerlukan pekerja-pekerja yang ramai. Peluang pekerjaan ini telah menarik ramai belia dari Kampung Mesapol untuk datang ke bandar tersebut.

Pekerjaan, Pendapatan Dan Tempat Tinggal

Kebanyakan belia yang datang menetap ke bandar itu adalah kerana mereka sudah mempunyai pekerjaan tetap ataupun kerana bersekolah. Peluang-peluang pekerjaan ini boleh didapati samada dalam sektor swasta atau kerajaan. Pemilihan kerja, pada asasnya adalah bergantung kepada kelulusan yang mereka miliki. Yang mempunyai kelulusan tinggi bekerja dengan kerajaan manakala yang mempunyai taraf kelulusan rendah bekerja di sektor swasta ataupun bekerja sendiri.

Berkenaan dengan 9 orang belia yang masih belum bekerja itu, 5 orang darinya masih belajar dan 4 orang sedang mencari pekerjaan. Mereka yang sedang mencari pekerjaan, buat sementara waktu, menumpang di rumah saudara atau rakan-rakan mereka yang sudah

Jadual 6

Pekerjaan Belia Di Bandar

<u>Jenis Pekerjaan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Pekerja Hotel	13	19.6
Kerani	20	30.3
Guru	3	4.5
Pegawai ^a	5	7.3
Polis	2	3.0
Akauntan	1	1.5
Perancang	1	1.5
Teknisyen	1	1.5
Kerja Sendiri	2	3.0
Lain-lain Kerja	9	13.6
Belum bekerja ^b	<u>9</u>	<u>13.6</u>
	<u>66</u>	<u>99.4%</u>

a. Termasuk Pegawai Kastam, Imigresen, dan Pegawai

Perancang Ekonomi

b. Termasuk yang masih belajar

bekerja. Mereka ini dianggap sebagai penghijrah kerana mereka meninggalkan kampung dalam masa yang agak lama. Manakala bagi mereka yang masih belajar, biasanya akan bekerja di luar kampung apabila mereka tamat belajar.

Dari analisa yang dibuat terhadap jenis dan taraf pekerjaan belia itu (Lihat Jadual 6) sebilangan besar dari mereka bekerja sebagai kerani di beberapa jabatan kerajaan. Mereka merupakan

30.3% dari belia yang berhijrah itu. Mereka yang menjadi kerani ini bekerja di jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Pendaftaran, Jabatan Talikom, Lembaga Tabung Getah, MARA, Jabatan Pelajaran dan Pejabat Pos. Terdapat juga yang bekerja sebagai guru terlatih, pegawai ekonomi, pegawai kastam dan Immigresen, teknisyen, perancang dan akauntan. Mereka yang termasuk dalam golongan ini mempunyai taraf pelajaran yang lebih baik dan setengahnya mempunyai kelulusan yang tinggi dan mempunyai kemahiran teknikal. Walau bagaimanapun bilangan mereka ini adalah kecil iaitu hanya 13.6%.

Manakala yang mempunyai taraf kelulusan yang rendah, 19.6% dari mereka bekerja sebagai kakitangan hotel samada budak penyambut tetamu, juga, penjaga setor, penghantar minuman dan sebagainya. Kelulusan mereka hanya setakat darjah enam ataupun lulus Sijil Rendah Pelajaran. Pekerjaan seumpama ini memang tidak memerlukan kelulusan yang tinggi serta tidak pula memerlukan kemahiran melainkan hanya memerlukan sedikit tenaga dan minat masing-masing saja. Oleh yang demikian pekerjaan seumpama ini adalah yang paling senang diperolehi.

Berdasarkan taraf kelulusan para belia itu, seolah-olah terdapat tiga peringkat pekerjaan iaitu yang lebih baik, sederhana dan kurang baik. Yang lebih baik terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan, guru dan pekerja yang mempunyai kemahiran. Yang sederhana terdiri dari kerani-kerani manakala yang kurang baik terdiri dari mereka yang menjadi kakitangan hotel yang tidak ada kemahiran dan

yang bekerja sendiri.

Berhubung dengan pendapatan sebulan para belia itu, adalah bergantung sepenuhnya kepada taraf pekerjaan mereka. Majoriti mereka memiliki pendapatan sebulan dalam lingkungan \$200.00 hingga \$300.00 iaitu merupakan 34.8% dari jumlah mereka. Kebanyakan mereka terdiri dari kerani. Manakala yang menerima pendapatan lebih dari \$500.00 sebulan, tidak ramai bilangannya iaitu hanya 9% dari mereka. Sebenarnya terdapat pertalian yang kuat antara jumlah pendapatan dengan jenis pekerjaan, ini kerana para belia itu bergantung kepada satu-satunya pekerjaan yang mereka perolehi. Mereka tidak berusaha untuk mencari pendapatan sampingan seperti membuat kerja-kerja sambilan. Dengan demikian pendapatan mereka agak tetap.

Jadual 7

Anggaran Pendapatan Dalam Sebulan

<u>Pendapatan (\$)</u>	<u>Bilangan</u>
700 ke atas	2
600 - 700	2
500 - 600	2
400 - 500	6
300 - 400	13
200 - 300	23
100 - 200	8
0 - 100	1
Belum ada pendapatan*	9
Jumlah:	66

* Belia yang belum bekerja dan yang masih belajar.

Perkara yang kedua pentingnya selepas pekerjaan ialah tempat tinggal. Pada mulanya, jika dilihat dari taburannya, mereka lebih tertumpu kepada satu-satu kawasan, menyewa pada sebuah rumah dan tinggal beramai-ramai. Walau bagaimanapun perkara ini adalah sementara sahaja, kerana ada di antara mereka yang mempunyai pendapatan yang lebih baik menyewa secara berasingan dan ada pula yang diberikan kemudahan tempat tinggal oleh majikan mereka. Bagi mereka yang mempunyai pekerjaan yang lebih baik terutama pegawai-pegawai kerajaan dan guru-guru terlatih, mereka diberi kemudahan tempat tinggal yang tertentu. Begitu juga yang menjadi pekerja hotel, walaupun taraf pekerjaan mereka rendah tapi mereka diberikan kemudahan tempat tinggal yang baik. Oleh yang demikian mereka ini tidak mengalami masalah tempat tinggal.

Kebanyakan mereka yang tinggal secara berkongsi ialah yang berpendapatan sederhana, khususnya yang bekerja sebagai kerani. Biasanya mereka menyewa pada sebuah rumah lebih dari lima orang dan selalunya mereka ini mempunyai hubungan kekeluargaan antara satu dengan lain. Walaupun mereka ini mengalami masalah tempat tinggal dan masalah bayaran sewa yang mahal tetapi mereka tidak tinggal di kawasan setinggan atau kawasan rumah 'haram'. Biasanya mereka mencari tempat tinggal di kawasan-kawasan yang lebih selesa, tidak sesak dan mempunyai kemudahan awam yang lebih baik. Ini boleh didapati di kawasan-kawasan rancangan rumah murah kerajaan. Dengan demikian kesimpulan yang boleh diambil ialah bahawa pekerjaan, pendapatan dan tempat tinggal saling mempunyai hubungan antara satu sama lain.

Masalah Penyesuaian Dan Kebebasan Individu

Bila belia hidup di bandar dan menjadi anggota masyarakat yang lain dari masyarakat kampungnya sendiri, mereka akan menjalani proses penyesuaian. Mereka hidup jauh dari hubungan keluarga, tidak ada kawalan dari ibu bapa dan kurangnya kawalan sosial, maka apa yang berlaku kepada belia berkenaan ialah kebebasan individu. Daripada kampung yang kecil di mana ia kenal semua orang dan boleh berharap mendapat bantuan dan pengajaran, sekarang berhadapan dengan masyarakat bandar yang berbagai aspek dan bentuk perhubungan yang jauh berbeza dari masyarakat asalnya.

Perpisahan belia ini dengan keluarganya tanpa sosial kontrol yang ketat dan kawalan dari ketua keluarganya telah memberi kebebasan baginya untuk bertindak tetapi ia tiada panduan bagaimana untuk bertindak. Seseorang yang tinggal di bandar tidak merasa tertegah untuk melakukan sesuatu tindakan kerana kawalan sosial tidak ketat seperti yang terdapat di kampung. Ini bermakna bukan tidak ada orang tahu yang ia buat, tapi orang yang ia kenal dan ia berasa segan terhadapnya seperti keadaan di kampung tidak ada. Orang di bandar tidak peduli apa orang lain buat. Dalam keadaan inilah kawalan sosial adalah lemah. Masalah penyesuaian ini memang satu perkara biasa bagi seseorang atau sekumpulan itu memasuki kumpulan atau masyarakat lain.

Bila membincangkan tentang kebebasan belia di bandar, perkara yang mustahak ialah bentuk pergaulan dan hiburan. Kebanyakan belia itu amat suka kepada hiburan hingga hampir seluruh masa lapang mereka digunakan untuk tujuan-tujuan tersebut. Dari

keadaan ini dapat diperhatikan bahawa mereka ini tidak suka berikhtiar untuk menambahkan pendapatan, tidak suka berjimat dan jarang membuat perkara-perkara yang berfaedah dan menguntungkan. Namun demikian mereka ada alasan mengapa demikian jadinya. Pertama, ketegangan akibat pekerjaan yang teruk dan masa bekerja yang tidak tentu, umpamanya kerja lebih masa (overtime) dan pekerjaan yang memerlukan giliran. Kedua, mereka mampu dan mempunyai wang untuk berhibur. Sebab lain ialah mereka belum ada tanggungjawab rumah tangga.

Kebanyakan mereka tidak gemar untuk bergiat dalam apa-apa bentuk pertubuhan yang terdapat di bandar, samada persatuan belia, kelab-kelab, aktibiti sukan ataupun kesatuan sekerja (kesatuan sekerja sebenarnya sesuatu yang asing kepada mereka malah kepada negeri Sabah seluruhnya). Hanya ada sebuah persatuan yang tunggal mereka anggotai iaitu Persatuan Kedayan Seluruh Sabah (Ringkasnya SEDAYA). Walau bagaimanapun bilangan yang menganggotainya hanya 69.6% dari mereka. Jika didasarkan kepada peranan mereka dalam persatuan itu, tidaklah begitu berkesan malah mereka tidak tahu apakah fungsi-fungsi persatuan itu sebenarnya. Hanya seorang saja dari mereka yang memegang jawatan yang penting, yang lain hanya merupakan ahli biasa yang peranannya hanya meramaikan ahli persatuan itu semata-mata.

Kebebasan individu di bandar menjadikan para belia itu bergaul dengan tiada apa-apa batasan kepada siapa yang mereka suka. Ini termasuk pergaulan dengan gadis-gadis tanpa memikirkan yang bermoral atau tidak. Pergaulan yang bebas ini membawa kesan yang buruk dan melanggar tradisi serta adat resam masyarakat mereka. *

Kehidupan yang bersaing di bandar menyebabkan para penghuninya mempunyai nilai yang berbeza dari orang di luarbandar. Kerana hidup dalam suasana yang semua benda perlu dibeli dan mahal pula, penghuni-penghuni bandar lebih mementingkan wang dalam hubungan antara mereka. Kerana itu para belia yang hidup di bandar itu sedikit sebanyak terpengaruh dengan keadaan ini. Setengah-setengah belia itu tidaklah menjadikan soal kebebasan individu itu sebagai tujuan atau hasrat utama mereka untuk datang ke bandar, tetapi ini hanya sebahagian proses penyesuaian yang terjadi secara tidak langsung atau tanpa disedari oleh mereka. Tambahan lagi mereka masih muda dan adalah menjadi satu perkara yang biasa bagi kehidupan anak-anak muda yang tinggal di bandar terdorong mencari keseronokan, mencari status dan bergaul membentuk kumpulan masing-masing.

Gaya Hidup

Cara hidup di bandar adalah berlainan dengan cara hidup di kampung. Bila para belia itu tinggal di bandar, secara tidak disedarinya ia akan mengikuti cara hidup di bandar, samada dari segi pemikirannya ataupun dari segi perlakuan dan pakaiannya. Jika di kampung ia tidak banyak memikirkan soal wang, bagaimana membelanjakannya, apakah fesyen pakaian dan bagaimana pergi ke tempat kerja. Soal ini tidak perlu difikirkan oleh orang-orang kampung. Mungkin apa yang difikirkannya hanya soal-soal yang bersangkutan dengan keadaan kampung atau soal cuaca - panas atau hujan. Hujan bererti tidak bekerja dan mereka hanya duduk di rumah atau menghabiskan masa di kedai kopi sahaja.

Ini berlainan halnya dengan di bandar, mereka itu lebih banyak memikirkan soal wang, segala-galanya memerlukan wang, selalu timbul soal ketidak cukupan wang dan semua ini hanya diharapkan pada gaji mereka. Kemudian mereka perlu pula pakaian, bukan setakat kemampuan untuk mendapatkannya malah mereka perlu pula memilih potongan mana yang secucuk atau mengikuti perkembangan semasa. Jadi orang ramai tidak memperkatakannya, supaya kelihatan tidak canggung, tidak di rendah-rendahkan dan sebagainya. Begitu juga dari aspek pergaulan dan hiburan yang mana harus pula diikuti mengikut kehendak masyarakat moden. Hal seumpama ini memaksa para belia itu untuk menjadi manusia bandar dan masing-masing akan cuba menutup identiti ke kampungan masing-masing.

Bila membincangkan perkara ini, sebenarnya apa yang di perkatakan ialah mengenai persoalan gaya hidup (*style of life*). Pada realitinya, mereka memang mempunyai gaya hidup yang tersendiri yang mereka perolehi sejak mereka menjadi anggota masyarakat bandar. Kebanyakan para belia itu terikut-ikut dengan perkembangan sosial semasa. Cara berpakaian mereka menunjukkan yang mereka adalah golongan yang makan gaji dengan kerajaan atau setidak-tidaknya ada pendapatan tetap yang mana dapat membezakan mereka dengan golongan penganggur atau golongan pelajar.

Mereka yang mempunyai kereta, sebenarnya tidak ramai iaitu hanya 9% dari mereka. Mereka ini selalu keluar, tidak tetap di rumah malah kadang-kadang sukar pula ditemui. Kesibukan akibat pekerjaan adalah satu perkara biasa tetapi kesibukan mencari gaya hidup adalah satu perkara lain. Kadang-kadang gaya hidup mereka di bandar

terbawa-bawa bila mereka balik ke kampung sekali-sekala. Tambahan pula yang balik kampung itu dengan kereta sendiri dan mahu pula menunjukkan gaya hidup mereka di bandar itu dilihat oleh masyarakat kampungnya. Ada kecenderongan pula untuk membangga diri, terutamanya apabila ada orang mengatakan bahawa ia sudah senang hidup di bandar. Oleh itu persoalan mengenai gaya hidup sudah menjadi satu fenomena sosial pula dalam kehidupan para belia itu di bandar.

Beberapa Masalah Kehidupan

Perbezaan yang begitu jauh antara kehidupan di bandar dengan kehidupan di kampung memberi kesan kepada kehidupan belia itu. Masalah dan kerumitan yang dialami itu bukan setakat ketika mereka mula-mula datang ke bandar saja malah masa-masa selanjutnya membangkitkan masalah yang lain pula. Masalah yang mula-mula dirasai sejak kedatangan belia itu ke bandar ialah masalah penyesuaian. Namun demikian ianya bersifat sementara dan akan selesai dengan sendirinya mengikut arus perubahan masa.

Sebenarnya terdapat perbezaan masalah-masalah dihadapi di antara mereka yang berpendapatan tinggi, yang sederhana dan yang mempunyai pendapatan yang kecil atau pekerja yang tidak mempunyai kelulusan. Pada asasnya belia yang menjadi pegawai atau guru tidak banyak mengalami masalah berhubung dengan pekerjaan, pendapatan ataupun tempat tinggal. Sebaliknya belia yang mempunyai taraf kelulusan yang rendah, tegasnya yang hanya lulus darjah enam, mengalami masalah pekerjaan dan pendapatan yang kecil. Mereka hanya mempunyai peluang bekerja di sektor-sektor swasta, menjadi buruh atau menjadi

pekerja hotel. Pekerjaan mereka biasanya teruk dan terkongkong dengan peraturan-peraturannya sendiri, umpamanya mereka terpaksa mematuhi peraturan kerja mengikut giliran (shift). Apa yang merumitkan ialah sukar mereka untuk menyesuaikan masa bekerja seperti yang dikehendaki oleh mereka. Jam-jam bekerja adalah ditentukan oleh pihak majikan mengikut apa yang mereka kehendaki tanpa memikirkan masalah-masalah pekerja mereka.

Masalah mereka itu bukan hanya yang berhubung dengan keadaan pekerjaan mereka tetapi juga mengenai pendapatan mereka yang kecil, iaitu masaalah yang penting sekali. Pendapatan mereka tidaklah setimpal dengan kerja yang teruk malah setelah bertahun-tahun bekerja, tingkat pendapatannya masih tidak banyak berubah. Bila ini dibandingkan dengan perbelanjaan hidup sehari-hari, keadaannya tidaklah seimbang, kerana pada umumnya harga barang-barang di negeri Sabah adalah tinggi dan dari masa ke semasa akan meningkat lagi. Potensi untuk menikmati kemewahan dengan hanya berdasarkan pendapatan tidaklah terjamin. Seterusnya hal ini akan memberi kesan pula kepada prospek masa depan mereka terutama apabila mereka memikirkan soal-soal berumah tangga yang mereka rasakan sudah layak untuk berbuat demikian tetapi mereka belum mampu.

Kerja lebih masa (overtime) memang digemari oleh para belia itu, kerana lebih masa bekerja bermakna memperolehi tambahan pendapatan. Kerja lebih masa ini ada dua jenis. Pertama, jenis kerja lebih masa yang mana pekerja boleh membuat pilihan. Ia boleh menerima kerja lebih masa jika ia suka dan boleh menolak jika ia mahu berihat

atau membuat aktibiti lain. Jenis kedua ialah kerja lebih masa yang mesti dipatuhi. Pekerja tidak mempunyai pilihan melainkan menerimanya saja. Ini kerap dihadapi bukan saja oleh pekerja-pekerja yang berpendapatan kecil tetapi juga yang berpendapatan sederhana umpamanya kerani pos yang bekerja pada hari Ahad dan kerani talikom yang bekerja dari tengah malam hingga ke pagi. Jenis kerja lebih masa yang kedua ini tidak begitu digemari oleh kebanyakan belia itu. Mereka menganggapnya sebagai satu masalah juga, paling tidak ia memberi kesan kepada masa rihat, hiburan dan aktibiti sosial yang lain. Akibatnya timbul ketegangan dan tekanan pada diri mereka sendiri, seolah-olah pekerjaan itu satu bentuk sekatan kepada kebebasan individu.

Di samping itu masalah untuk mendapatkan cuti juga sering dihadapi. Masalah ini dialami oleh semua belia yang bekerja itu termasuk juga pegawai kecuali yang menjadi guru ataupun yang masih menuntut. Peluang untuk balik bercuti pada hujung minggu sangat terhad. Kalau pun mereka boleh berbuat demikian, mereka hanya ada kesempatan semalam saja di rumah mereka. Ini tidak banyak faedahnya hanya sekadar membuang masa dan belanja semata-mata. Walau bagaimana-pun, bagi mereka yang bekerja di Beaufort dan Kota Kinabalu masih berpeluang untuk balik bercuti ke kampung sekali sekala. Tetapi bagi mereka yang bekerja di bandar-bandar yang lebih jauh lagi, terutama di Sandakan, Semporna dan Tawau, mereka jarang sekali berpeluang untuk balik bercuti ke kampung malah ada yang sampai tiga tahun tidak balik ke kampung. Ini sebenarnya adalah disebabkan yang boleh di daur-ulang yang jauh. Banyak sekali perkh

oleh beberapa kesukaran, antaranya masalah cuti mereka yang tidak lama, masalah perhubungan dan perbelanjaan perjalanan yang banyak serta juga kesibukan pekerjaan mereka itu sendiri. Kerana itu, biasanya mereka terlepas peluang untuk bercuti ke kampung pada hari-hari kebesaran atau keramaian umpamanya pada hari raya.

Masalah lain yang merupakan masalah biasa bagi orang-orang di bandar ialah kesulitan atau kelambatan pergi ke tempat kerja terutama bagi mereka yang menggunakan kenderaan awam, khususnya bas. Mereka terpaksa menghadapi masalah penumpang yang bersesak-sesak atau menunggu bas berjam-jam. Walau bagaimanapun masalah ini tidak di alami oleh mereka yang bekerja sebagai pegawai kerana mereka mempunyai kenderaan sendiri. Oleh yang demikian golongan yang banyak menghadapi masalah ialah di kalangan belia yang berpendapatan kecil dan yang berpendapatan sederhana.

Hubungan Dengan Keluarga

Walaupun belia itu menetap di bandar tanpa kawalan keluarga, khususnya dari ibu bapa mereka, tetapi hubungan mereka dengan keluarga di kampung tetap baik. Mereka masih mengambil berat tentang keluarga mereka. Dalam beberapa hal kehendak dan kemahuan keluarga mereka tetap diberi keutamaan. Apabila ada hal-hal yang penting, yang mana keluarga itu perlukan mereka untuk balik ke kampung, mereka tetap mematuhi sekalipun mereka ada masalah untuk mendapatkan cuti. Dalam soal-soal seperti kenduri, tamu besar, hari kebesaran ugama atau pesta sukan, mereka selalunya balik ke kampung kecuali bagi mereka yang bekerja di daerah-daerah yang jauh. Namun demikian perkara

yang berhubung dengan soal-soal keluarga, khususnya kematian di anggap sebagai satu perkara yang serius. Ini memaksa mereka untuk balik ke kampung dan menghadapinya bersama-sama anggota keluarga yang lain.

Satu perkara yang penting ialah tentang bantuan kewangan kepada keluarga mereka di kampung. Biasanya ini dilakukan pada setiap bulan kecuali dalam beberapa hal umpamanya ketika memerlukan perbelanjaan yang banyak. Pada umumnya, para belia itu kerap berbuat demikian, sekurang-kurangnya mahu berbakti pada keluarga walaupun pada kadar yang sedikit. Sebenarnya inilah yang diharapkan oleh kebanyakan ibu bapa di kampung kepada anak-anak mereka yang bekerja di bandar itu.

Walaupun begitu, ada juga di kalangan belia itu yang selalu mengalami kesukaran dalam memberi bantuan kewangan kepada keluarga mereka. Mereka ini terdiri dari golongan yang menerima pendapatan kurang dari \$200.00 sebulan. Mereka hanya mampu memberi sedikit bantuan kewangan kepada keluarga mereka itu pada masa-masa tertentu ketika keluarga mereka benar-benar memerlukannya. Secara langsung sumbangan kewangan mereka ini merupakan satu faktur yang dapat mengekalkan dan mengukohkan hubungan antara mereka dengan keluarga mereka di kampung.

Sebaliknya, dengan adanya belia itu di bandar, secara tidak langsung mendatangkan kebaikan kepada anggota-anggota keluarga mereka di kampung. Bila ada di antara anggota-anggota keluarga mereka yang datang ke bandar untuk tujuan-tujuan sementara, umpamanya

membawa barang-barang keluaran kampung terutama buah-buahan untuk di pasarkan, mereka boleh tinggal buat sementara di tempat saudara mereka itu. Begitu juga apabila mereka ingin datang ke bandar untuk tujuan-tujuan lawatan, mereka tidak mengalami kesukaran untuk mencari tempat tinggal. Secara tidak langsung, dengan adanya para belia itu tinggal di bandar maka hubungan antara kampung dengan bandar lebih mudah malah pengetahuan orang-orang kampung terhadap bandar sudah banyak berubah.

Persaraan Pelajaran Seluruh Penghijrah

Pelajaran merupakan salah satu yang paling besar bagi seorang penghijrah apabila perlu beradaptasi secara sosial. Ia menyajikan ciri-ciri berbeza dari masyarakat yang mereka hadapi daripada ekonomi yang tinggi, dan status sosial kepada status sosial yang lain dan dari satu kawasan kepada kawasan yang lain. Oleh itu pelajaran merupakan penting yang besar yang meliputi sekolah seperti hidupan, dan perkembangan adalah salah satu dari implikasinya. Rintisan pelajaran yang ada sekarang ini adalah bantuan, antara lain, untuk menyediakan dan memberikan insiasi-bantuan positif dan ekonomi kepada orang pendidik dengan gaji dan amanah.

Dalam konteks penghijrah keliahan kampung Melayu ke bandar, persaraan pelajaran adalah penting. Ia dapat dilihat dari beberapa motif utama mereka untuk datang ke bandar yang mana bilangan mereka yang memerlukan pelajaran seni ke bandar ialah 39%. Namunlah motif mereka ketika mula meninggalkan kampung ialah di bawah 15 tahun,

BAB V

ANALISA DAN APPLIKASI KEPADA BEBERAPA TEORI PENGHIJRAHAN

Bab ini bertujuan untuk memberi analisa terhadap gejala penghijrahan belia ke bandar. Ini akan didasarkan kepada aspek-aspek kehidupan di kampung, di bandar, aspek ekonomi, bukan ekonomi dan aspek sosial. Dalam perbincangan ini dihubungkan juga dengan soal-soal seperti umur, jantina, jarak, pelajaran, pekerjaan dan perhubungan. Seterusnya akan ditinjau juga beberapa teori penghijrah dan aplikasinya kepada gejala penghijrahan belia yang dikaji ini.

Peranan Pelajaran Dalam Penghijrahan

Pelajaran merupakan saluran yang paling mudah bagi setiap orang untuk memperolehi apa-apa pun bentuk mobiliti secara meluas. Ia nya menjadi titik bertolak dari satu taraf ekonomi yang rendah kepada taraf ekonomi yang tinggi, dari satu status sosial kepada status sosial yang lain dan dari satu kawasan kepada kawasan yang lain. Oleh itu pelajaran mempunyai peranan yang besar yang meliputi seluruh aspek kehidupan, dan penghijrahan adalah salah satu dari implikasinya. Sistem pelajaran yang ada sekarang ini adalah bertujuan, antara lain, untuk menyediakan dan memberikan faedah-faedah sosial dan ekonomi kepada semua penduduk dengan adil dan samarata.

Dalam konteks penghijrahan belia Kampung Mesapol ke bandar, peranan pelajaran adalah penting. Ini dapat dilihat dari beberapa motif utama mereka untuk datang ke bandar yang mana bilangan mereka yang meneruskan pelajaran mereka ke bandar ialah 33%. Manakala umur mereka ketika mula meninggalkan kampung ialah di bawah 15 tahun.

Sebenarnya mereka ini memasuki pelajaran menengah di bandar bermula dari tingkatan satu dan mereka ini ingin mendapatkan kemudahan pelajaran yang lebih baik. Biasanya mereka ini adalah yang mempunyai pencapaian pelajaran yang baik. Dilihat dari segi umur 52% dari yang berhijrah itu berumur di bawah 17 tahun dan faktur utamanya ialah atas sebab-sebab pelajaran. Ini memperlihatkan bahawa antara umur dan pelajaran mempunyai pertalian yang erat dalam hubungan dengan proses penghijrahan.

Oleh yang demikian peranan pelajaran adalah penting dalam menentukan golongan penduduk yang berhijrah ke bandar. Fenomena ini bukan sesuatu yang asing malah ia juga merupakan ciri utama dalam mana-mana proses migrasi dan bersifat universal. Umpamanya, seorang pengkaji sosial, Tommy yang mengkaji penghijrahan di Sierra Leone, menyatakan bahawa, "... migrants left home at relatively young age. In the urban sample, for example, male migrants without education left home at an average of 18 years, and educated migrants left at the age of 12 years".¹

Dalam soal pelajaran terdapat beberapa aspek yang penting berhubung dengan penghijrahan belia itu ke bandar. Di sini boleh dilihat dari aspek perbezaan peluang dan kemudahan pelajaran antara bandar dengan luarbandar. Begitu juga boleh dilihat dari aspek perbezaan

¹ Tommy, Joseph Lissa, Socio-economic Determinants and Policy Implications of The Decision to Migrate: An Empirical Evidence of The Sierra Leone Rural-Urban Migration Study, The Ohio State University, 1977, m.s. 128.

pencapaian pelajaran dan ini termasuk gejala keciciran. Seterusnya ialah matlamat pelajaran itu sendiri dan ini merupakan ciri terpenting malah sistem pelajaran itu secara tidak langsung memberi sumbangan yang besar menggalakan seseorang itu untuk berhijrah ke bandar. Alasan yang selalu diutarakan ialah proses pembelajaran di sekolah tidak ada pertalian langsung dengan aspek-aspek kehidupan di kampung. Ia tidak melatih seseorang itu bagaimana mengerjakan tanah, tidak melatih dan melengkapkan seseorang untuk menjadi petani moden, tidak mengajar bagaimana menternak, berkebun dan sebagainya. Sebaliknya sistem pelajaran yang ada lebih cenderung menyediakan seseorang itu untuk menjadi tenaga birokrat yang berkhidmat dalam struktur pentadbiran kerajaan.

Oleh kerana pusat-pusat pentadbiran kerajaan hanya boleh di dapati di kawasan bandar, maka tidak hairanlah mengapa belia lepasan sekolah itu akan menuju ke bandar sebagai matlamat akhirnya dari proses pembelajaran yang diterimanya selama ini. Teoh Jinn-Inn dalam analisanya mengenai belia yang bersekolah di luarbandar mendapati bahawa, "Having obtained secondary school education in the rural areas, the youth find that they are not able to fit into the mode of kampung life. Aspirations have changed and they now have no choice but to seek jobs elsewhere".²

Setakat ini luarbandar masih belum mampu menyediakan pekerjaan yang sesuai sebagaimana yang diperlukan oleh belia lepasan sekolah itu.

² Teoh Jinn-Inn, Youth in Transition: The Rural-Urban In-Migration in Malaysia, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1976, m.s. 29.

Bukan kerana pekerjaan tidak ada, tetapi pekerjaan yang ada tidak memerlukan sebarang sijil, memadai dengan tenaga fizikal sahaja. Dengan kata lain seseorang itu tidak perlu bersekolah bertahun-tahun lamanya semata-mata ingin menceburkan diri dalam kerja-kerja kampung.

Seterusnya Teoh Jinn-Inn mengkritik bahawa keadaan ini adalah disebabkan oleh kekurangan latihan vokesyenal di sekolah-sekolah menengah yang terdapat di negara ini serta ke tidak upayaannya menggalakan para lepasan sekolah untuk menyumbangkan bakti mereka terhadap kemajuan persekitaran kampung mereka.³ Murid-murid dari luarbandar yang berjaya meneruskan pelajaran ke peringkat institusi pengajian tinggi akan pergi ke bandar. Maka dengan itu, dalam hubungannya dengan gejala penghijrahan, Teoh Jinn-Inn menyatakan, "The research for further education induces migration into the cities due the centralization of all major institutions of education, particularly in the specialized and professional areas"⁴

Dalam hal ini dapat dibuat kesimpulan bahawa pelajaran dan penghijrahan berlaku dalam masa yang sama. Pada umumnya taraf pelajaran di Sabah masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan di Semenanjung Malaysia. Setakat ini masih belum ada kelas tingkatan enam di sekolah-sekolah di luarbandar, samada dalam aliran Inggeris atau aliran Melayu. Oleh yang demikian, kebanyakan

³Ibid. hal. 29.

⁴Ibid. hal. 30.

belia yang berhijrah ke bandar itu, mempunyai pelajaran yang terhad kepada taraf pelajaran tingkatan lima saja. Peluang untuk mendapatkan taraf pelajaran lebih dari itu hanya boleh diperolehi di Semenanjung, khususnya dari aliran Melayu. Jadi, apa yang dikatakan oleh Tech Jinn-Inn itu adalah benar dan dapat dipertahankan, setidak-tidaknya dengan melihat apa yang ujud pada masa ini.

Hal yang sama juga diakui oleh Pryor, seorang pengkaji sosial yang pernah membuat kajian tentang gejala penghijrahan di Semenanjung Malaysia. Beliau memberi rumusan bahawa, "... education is itself a motive for migration in the case of Malaysia, this being particularly true of migration to the larger cities".⁵

Seterusnya dapatlah difahami bahawa antara pencapaian pelajaran dengan penghijrahan terdapat pertalian yang bersifat positif.⁶

Dari analisa perhubungan dengan pencapaian pelajaran belia di Kampung Mesapol, terdapat hanya sebilangan kecil saja dari mereka yang mempunyai taraf pelajaran tinggi. Kebanyakannya adalah yang tidak bernasib baik dan merupakan mangsa keciciran. Maksud keciciran di sini boleh dibahagikan kepada dua kategori, pertama murid-murid yang tidak lulus dan tidak dapat melanjutkan pelajaran; tegasnya murid-murid yang gagal dalam peperiksaan. Kedua, murid-murid yang lulus tapi tidak mampu untuk meneruskan pelajaran. Kategori kedua ini memang dialami oleh kebanyakan belia di Kampung Mesapol itu,

⁵ Pryor, R.J. Malaysia On The Move: A Study of Internal Migration: Migration: Dissertasi Ph.D. Universiti Malaya, 1972, m.s. 78.

⁶ Todaro, Micheal P, Internal Migration in the developing Countries, m.s. 27.

ianya terjadi atas sebab-sebab kemiskinan dan tidak ada tempat untuk meneruskan pelajaran atau kedua-duanya sekali.

Masalah keciciran ini harus dilihat dalam satu keseluruhan. Maksudnya mereka cicir bukanlah semata-mata kerana mereka bodoh dan malas, sikap ibu bapa mereka yang tidak tegas terhadap pelajaran atau kerana kemiskinan mereka tetapi ada faktur-faktur lain yang harus juga dibincangkan. Pertama, kekurangan kemudahan di luarbandar dan kedua, ketidak upayaan dan kelambatan untuk menyediakan tempat-tempat bagi mereka yang layak untuk menyambung pelajaran mereka, khususnya yang dari aliran Melayu.

Apa yang hendak ditegaskan di sini ialah gejala keciciran itu dalam hubungannya dengan penghijrahan para belia kampung itu ke bandar. Pada asasnya, mereka yang tercibir akan pergi ke bandar. Untuk beberapa bulan atau setahun mereka masih tinggal di kampung tetapi akhirnya akan ke bandar juga, kerana mereka tidak bersekolah dan tidak mempunyai apa-apa pekerjaan di kampung. Mereka rasakan sudah sampai masanya untuk hidup berdikari dan tidak mahu lagi jadi beban ibu bapa mereka yang sudah sedia susah itu. Jadi penghijrahan mereka ke bandar itu ada 'rasional' dan ada logiknya. Kesimpulannya semakin ramai yang tercibir semakin ramai yang berhijrah ke bandar.

Penghijrahan Dan Faktur Ekonomi

Faktur ekonomi sangat popular dibincangkan oleh para pengkaji penghijrahan. Setengahnya meletakkan faktur itu sebagai asas kepada keujudan gejala penghijrahan itu. Umpamanya Mitchell

merumuskan bahawa, "The basic factor behind migration is, of course, economic necessity".⁷ Faktur yang sama juga dibincangkan oleh Todaro dalam konteks penghijrahan di negara-negara membangun. Beliau mengatakan, "The greater the difference in economic opportunities between urban and rural region, the greater the flow of migrants from rural to urban areas".⁸

Beberapa kajian di Amerika Latin juga mendapati bahawa faktur ekonomi atau pekerjaan khususnya, merupakan pengaruh yang penting dalam proses penghijrahan.⁹ Pada asasnya perbincangan mengenai faktur ekonomi memberi tumpuan utama kepada pekerjaan dan kadar upah. Mereka yang berhijrah ke bandar adalah kerana ingin mendapatkan kerja yang memberikan kadar upah yang tinggi. Lebih besar perbezaan upah antara bandar dengan kampung lebih besar aliran penghijrah dari kampung ke bandar.

Dari kajian-kajian terhadap gejala penghijrahan, memang diakui bahawa terdapat perbezaan kadar upah antara bandar dan kampung. Umpamanya, dari kajian Tommy didapati bahawa, "Migrants who left home for seek work were also primarily interested in obtaining a higher paying job than farming in addition to improved sosial life which formed part of their greatest aspiration for the

⁷ Mitchell J.C. "Structural plurality, urbanization and Labour circulation in Southern Rhodesia", J.A. Jackson, Migration 1969, m.s. 171.

⁸ Todaro, Op. Cit. m.s. 66.

⁹ Briggs P. Some Economic Interpretations of Case Studies of Urban Migration in Developing Countries, March 1977.

"urban move"¹⁰ Oleh itu mencari pekerjaan dan wang adalah alasan utama mengapa belia di kampung datang ke bandar.

Latar belakang keluarga mereka yang miskin, memberi kesedaran kepada mereka bahawa jika mereka memilih kerja-kerja kampung, maka status dan taraf ekonomi mereka samalah dengan ibu bapa mereka. Kerana itu mereka lebih cenderong untuk memilih kerja-kerja yang terdapat di bandar. Pada umumnya, belia yang berhijrah ke bandar itu mempunyai taraf ekonomi yang lebih baik berbanding dengan yang tidak berhijrah.

Belia yang berhijrah ke bandar dan mencari pekerjaan sebagai motif utamanya, bukanlah semata-mata dari keputusan diri sendiri tapi ianya juga disokong oleh kehendak anggota keluarga yang lain. Dalam soal ini penghijrahan belia ke bandar itu mendapat restu dari keluarga, dan dengan itu tidak timbul soal halangan malah peranan keluarga itu boleh dianggap sebagai pendorong.

"It would seem that in most societies it is mainly economic factors that determine how many families have to send off one or more of their member to supplement the family, i.e., economic factors largely determine the rate of labour migration."¹¹

Penentuan jenis pekerjaan adalah berdasarkan taraf pelajaran, pengaruh luar dan juga nasib yang baik. Berhubung dengan pelajaran, pada asasnya yang mempunyai taraf pelajaran tinggi berkemampuan untuk mendapatkan pekerjaan

¹⁰ Tommy, Op. Cit. m.s. 130.

¹¹ Joseph Gugler, "On the Theory of Rural-Urban Migration. The Case of Saharan African, dalam Jackson, J.A. Migration Cambridge University Press, 1969, m.s. 143.

yang mempunyai status tinggi.¹² Oleh kerana itu hanya 9% saja belia dari Kampung Mesapol yang mempunyai pekerjaan yang bertaraf pegawai kerana kebanyakannya mereka mempunyai taraf pelajaran yang rendah. Penghijrahan juga berlaku atas sebab rasa tidak puas hati dengan pekerjaan yang sedia ada di kampung, mereka lebih suka menjadi buruh di bandar.¹³ Ini termasuk mereka yang mengalami keciciran pada taraf tingkatan tiga, mereka ini sukar mendapatkan kerja kerana kekurangan kemahiran dan pengetahuan.¹⁴

Pengaruh luar juga merupakan faktur yang penting dan selalu memberi kesan mempengaruhi pemikiran individu dalam membuat keputusan memilih kerja. Dalam analisanya, Lipset mendapati bahawa,

"The nature of occupational choice is not determined primarily as an individual decision, but rather is a result of external influences. For the occupational impressions offered by daily life are proportional to the actual occupational distribution. The greater the number of metal workers, the more frequently will young people hear about that occupation, and the greater will they be stimulated to choose it."¹⁵

Pengaruh-pengaruh seumpama ini harus juga dibincangkan sebagai salah satu 'faktur yang menarik' kebanyakannya belia kampung

¹² Teoh Jinn-Inn, Op. Cit. m.s. 27.

¹³ Brigg . P. Op. Cit. m.s. 42.

¹⁴ Teoh Jinn-Inn, Op. Cit. m.s. 33.

¹⁵ Lipset S.M. & Bendix R., Social Mobility in Industrial Society, University of California Press, 1967, m.s. 221.

untuk datang ke bandar. Kerana cerita-cerita mengenai kesempatan bekerja di bandar kerap tersebar dengan luasnya di kawasan-kawasan luarbandar.

Faktur-faktur lain Dalam Penghijrahan

Pekerjaan dan pelajaran merupakan kriteria penting di dalam membuat keputusan untuk berhijrah, akan tetapi ia bukanlah satu faktur yang mutlak. Masih banyak pengaruh-pengaruh sosial yang turut sama mempengaruhi pemikiran orang-orang di luarbandar untuk berhijrah ke bandar. Kerana itu Brigg mengatakan bahawa,

"A 'preference' for town life and 'for town husband's, the desire 'to become civilized', 'sophisticated' and to attain 'prestige' as well as 'to travel and enjoy new experience', 'to gain education and training' and 'to join relatives' were all given as reasons".¹⁶

Dengan itu dapat difahami bahawa pengaruh-pengaruh sosial sangat berkesan dalam proses penghijrahan tambahan pula yang mendapat reaksi dari pengaruh itu ialah golongan belia yang biasanya mudah terpengaruh dan agresif. Faktur-faktur seumpama ini, iaitu kesempatan perkahwinan, hiburan, kepuasan, mengikut kawan atau keluarga dan sebagainya, boleh juga dianggap sebagai faktur-faktur bukan ekonomi¹⁷ terutama sekali bagi para pengkaji proses penghijrahan yang menggunakan terminologi ekonomi semata-mata.

¹⁶ Brigg. Op. Cit. m.s. 36.

¹⁷ Ibid. m.s. 45 - 46.

Pengaruh hiburan yang terdapat di bandar-bandar merupakan satu tarikan yang kuat mendorong lebih ramai orang-orang kampung datang ke bandar.

"Few studies seem to support the frequently heard hypothesis that migrants in developing countries are attracted to cities in search of better entertainment of bright city light".¹⁸

Bagi mereka yang mempunyai hasrat dan keinginan untuk melepaskan diri dari ikatan tradisional masyarakat kampung yang ketat dari segi adat dan peraturan sosial maka penghijrahan adalah merupakan satu 'escapism'. Maklumat mengenai bandar, khususnya tentang kehidupan sosial ataupun proses-proses mencari kerja didapati melalui beberapa faktur atau cara. Antaranya melalui kawan, keluarga, lawatan sendiri, penerangan radio dan surat kabar.¹⁹ Dengan adanya media-media tertentu, jarak fizika dan ilmu alam tidak lagi merupakan fakta terpenting untuk mengukur pendedahan satu-satu masyarakat terhadap anasis-anasis baru yang membawa perubahan.²⁰ Dengan kata lain segala perkembangan sosial, ekonomi dan politik di bandar akan mudah tersebar ke pengetahuan orang-orang kampung. Di samping itu bandar juga menyediakan kemudahan-kemudahan sosial yang lain dan ini akan hanya dinikmati oleh penghuni-penghuni bandar saja kerana kemudahan seperti itu jarang didapati di kampung.

¹⁸ Todaro, Op. Cit, m.s. 66.

¹⁹ Tommy, Op. Cit. m.s. 130.

²⁰ Lihat Rokiah A. Talib, "Jalinan Hubungan Sosial Di Kampung Bandar", dalam Masyarakat Melayu: Antara Tradisi Dan Perubahan Suntingan Zainal Kling, 1977, m.s. 217.

"Evidence indicates that migrants enjoyed better water, electricity, medical and educational services since their move to urban areas".²¹

Berhubung dengan penghijrahan para belia yang dikaji, iaitu daripemerhatian terhadap segala aspek kehidupan mereka di bandar, memang diakui bahawa mereka benar-benar menikmati segala kemudahan sosial yang ada. Kemudahan api letrik, air, perkhidmatan pengangkutan, kesihatan dan mass media (akhbar, radio dan talivisyen) ini telah mereka nikmati setelah mereka berada di bandar malah ada di antara kemudahan-kemudahan ini yang mereka nikmati buat pertama kali dalam hidup mereka (api, air, akhbar dan talivesyen) kerana iaanya tidak terdapat di tempat asal mereka.

Pada asasnya, kemudahan-kemudahan seperti ini telah membaiki lagi keadaan hidup mereka malah pada zahirnya aspek-aspek inilah yang membezakan kehidupan mereka di bandar dengan kehidupan mereka semasa di kampung dahulu. Begitu juga dalam soal kebebasan individu dan hiburan. Kehidupan di bandar lebih bebas dari larangan adat resam dan tradisi seperti di kampung terutama dari segi pergaulan dan hiburan. Oleh itu adalah penting mengambil kira faktur-faktur seumpama ini sebagai salah satu motif penghijrahan itu sendiri.

Applikasi Kepada Teori-Teori Penghijrahan

Analisa-analisa penghijrahan yang berlaku di Dunia Ketiga adalah satu perkara yang relatif baru. Teori-teori penghijrahan

²¹ Brigg, Op. Cit. m.s. 14.

sebenarnya adalah didasarkan kepada pengalaman Barat. Walau bagaimanapun terdapat setengah-setengah bandar di daerah Timur ini yang telah mengalami proses penghijrahan yang serupa dengan bandar-bandar di Barat.²² Oleh yang demikian adalah berguna untuk mengambil teori-teori penghijrahan yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji Barat dalam penghuraian dan analisa terhadap mana-mana tempat yang mengalami proses penghijrahan.

Hukum Penghijrahan Ravenstein

Penganalisaan terhadap gejala penghijrahan yang terawal sekali telah dibuat oleh Ravenstein.²³ Beliau telah mengemukakan hukum penghijrahan (*The Laws of Migration*) pada tahun 1885. Ianya bukanlah satu teori melainkan rumusan umum semata-mata malah Ravenstein sendiri mengakui bahawa hukum penghijrahan itu tidak semestinya kekal buat selama-lamanya. Walaupun hukum penghijrahan itu dikemukakan pada abad 19 tapi ia masih boleh digunakan hingga masa ini dan teori-teori yang dibuat selepasnya pun menggunakan asas dari hukum penghijrahan Ravenstein itu. Menurut Everett S. Lee,

"Nevertheless, Ravenstein's paper have stood the test of time and remain the starting points for work in migration

²² Hairi Abdullah mengambil contoh bandar Manila sebagai bandar yang mengalami proses penghijrahan yang serupa dengan bandar-bandar di Barat, Lihat Jurnal Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jilid IV, 1975/76, m.s. 55.

²³ Ravenstein E.G. 1885, "The Laws of Migration," Journal of the Royal Statistical Society, 48. 1885.

theory".²⁴

Terdapat sekurang-kurangnya lima rumusan yang dianggap sebagai hukum penghijrahan Ravenstein. Pertama, terdapat hubungan yang rapat antara proses penghijrahan dengan jarak, iaitu orang mula berhijrah pada jarak yang dekat. Kedua penghijrahan berlaku peringkat demi peringkat. Ketiga, setiap aliran penghijrahan akan terdapat aliran timbal balik. Keempat, penentuan berhijrah adalah berbeza antara bandar dengan luar bandar; dan kelima, perempuan berhijrah pada jarak yang lebih dekat berbanding dengan laki-laki.

Hukum penghijrahan Ravenstein yang keenam dan ketujuh dikemukakan dua tahun kemudian dari yang lima tadi, ianya juga merupakan rumusan umum tapi lebih memberatkan motif-motif ekonomi, iaitu penghijrahan berlaku sejajar dengan perkembangan teknologi dan perindustrian; dan penghijrahan melibatkan aktibiliti ekonomi terutama untuk memperolehi kemewahan material. Pada dasarnya Ravenstein memberi tumpuan kepada aspek-aspek jarak, proses penghijrahan, perbandingan antara lelaki dan perempuan, aliran dan motif-motif utama penghijrahan. Gejala penghijrahan para belia Kampung Mesapol ke bandar, sebenarnya hanya memperlihatkan sedikit persamaan dengan hukum penghijrahan Ravenstein ini iaitu motif ekonomi, perkembangan perindustrian dan matlamat mereka untuk memperolehi kemewahan material. Jarak sebenarnya tidak ada hubungan dengan penghijrahan, yang penting ialah tempat yang dituju dan sistem perhubungan. Begitu juga setakat ini belum ada sebarang aliran

²⁴ Everett S. Lee, "A Theory of Migration" dalam Jackson J.A. Migration, 1969, m.s. 282.

timbal balik, apa yang ujud ialah penerusan atau perlanjutan penghijrahan itu dari luarbandar ke bandar.

Mungkin salah satu sebabnya ialah gejala penghijrahan ini masih merupakan satu fenomena di peringkat permulaan, satu gejala yang baru dalam perubahan sosial di dalam sesebuah negeri yang mula mengalami kemajuan seperti yang terdapat di Sabah. Begitu juga, dari analisa kajian didapati bahawa lelaki merupakan golongan 'dominant' yang berhijrah, hanya sedikit saja orang perempuan, itupun atas sebab-sebab pelajaran. Hukum penghijrahan Ravenstein tidak boleh digunakan dalam konteks kajian yang dibuat kerana ia tidak menyentuh tentang kehidupan para penghijrah di tempat yang baru itu. Ini menunjukkan kekurangan atau kelemahan hukum penghijrahan itu, dan dengan demikian tidaklah boleh dianggap sebagai satu hukum yang lengkap dan sempurna.

Theori Intervening Opportunities

Teori ini dikemukakan oleh Stouffer dalam tahun 1940.²⁵ Mengikut teori ini, bilangan orang yang berhijrah ke tempat tertentu mempunyai korelasi atau hubungan langsung dengan kesempatan yang ada pada tempat itu. Maknanya semakin banyak kesempatan, seperti banyak pekerjaan dan kemudahan perumahan yang senang diperolehi, semakin ramai bilangan mereka yang berhijrah. Sebaliknya bilangan mereka yang berhijrah akan berkurangan jika sekiranya, dalam masa

²⁵ Stouffer, S.A., "Intervening Opportunities: A theory relating mobility and distance, American Sociological Review, 5, 1940, 845 - 83.

yang sama, terdapat peluang-peluang atau kesempatan untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik di tempat asal itu, atau keadaan hidup yang selesa. Stouffer menyebut kesempatan-kesempatan ini sebagai "intervening opportunities".

Teori Stouffer ini dapat menjelaskan bagaimana proses penghijrahan luarbandar ke bandar itu berlaku, walaupun pada setengah-setengah aspek ada kelemahannya, tetapi berhubung dengan kajian ini, teori tersebut masih dapat diterima. Mengikut Stouffer, soal jarak antara tempat asal dengan tempat yang dituju tidaklah begitu penting. Yang penting ialah hakikat bahawa dengan bertambahnya peluang dan kesempatan yang ada di tempat yang dituju itu, maka semakin ramai bilangan orang yang akan berhijrah.

Menurut Stauffer lagi, pada satu-satu jarak tertentu orang dari kelas bawahan lebih banyak mendapat peluang dan kesempatan jika dibandingkan dengan mereka dari kelas menengah dan atasan. Ini disebabkan peluang-peluang tersebut pada dasarnya tidak memerlukan kemahiran dan perombakan status quo. Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, tidak terdapat kelas atasan atau kelas menengah kerana belia yang berhijrah itu adalah dari golongan petani kampung.

Satu perkara yang jelas ialah penghijrahan itu mengalirkan pekerja-pekerja yang tidak berkemahiran ke bandar khususnya pekerja-pekerja muda. Hamzah Sendut dalam tulisannya yang bertajuk "Contemporary Urbanization In Malaysia" mengatakan bahawa:

"Workers moving to urban areas from the countryside not only lack the training and experience for skilled labour,

but also do not generally have the educational basis for a ready acquisition of new skills".²⁶

Seterusnya Hamzah Sendut menegaskan bahawa kekurangan pengalaman dan kemahiran ini menyebabkan jumlah pengeluaran yang rendah. Hal ini akan mengekalkan kadar upah pada taraf yang rendah. Oleh itu Hamzah Sendut merumuskan bahawa, "The worker is unskilled and usually remains unskilled".²⁷ Oleh yang demikian pandangan Stouffer berkenaan dengan peluang-peluang dan kesempatan ini boleh diterima khususnya kesempatan yang berupa peluang-peluang pekerjaan yang tidak memerlukan kemahiran. Kerana itu, belia dari Kampung Mesapol apabila berhijrah ke Kota Kinabalu dengan mudah memperolehi pekerjaan, walaupun ada yang hanya mempunyai kelulusan darjah enam saja tetapi mereka ada peluang sebab terdapat penawaran kerja yang tidak memerlukan kelulusan tinggi seperti buruh ataupun pekerja hotel.

Theori 'Push-Pull'

Theori ini adalah yang paling popular dalam setiap penguraian terhadap gejala penghijrahan. Teori ini dimajukan oleh Bogue pada tahun 1961.²⁸ Teori ini menumpukan kepada kuasa-kuasa tolakan dan tarikan yang terdapat di kedua-dua kawasan di tempat asal dan di tempat yang dituju. Kuasa tolakan dan tarikan ini

²⁶ Hamzah Sendut: "Contemporary Urbanization in Malaysia" dalam Asian Survey, Vol. 6, No. 9, 1969, m.s. 484 - 991.

²⁷ Ibid.

²⁸ Bogue D.J. "Techniques and Hypothesis for the study of differential migration", International Population Conference, 1961.

merupakan angkubah bebas dalam proses penghijrahan. Mengikut teori ini yang dimaksudkan dengan kuasa tolakan ialah fenomena yang terdapat di tempat yang dituju. Sebagai contohnya, penduduk desa yang mengambil keputusan untuk berpindah ke bandar itu sebahagianya bukan sangat disebabkan oleh daya tarikan bandar yang kuat, tetapi dalam desa yang boleh dianggap sebagai memainkan peranan menolak mereka supaya meninggalkan desa. Antara faktur ini ialah tiada pekerjaan yang memuaskan, tidak ada perubahan yang menyeluruh, tidak ada kemudahan sosial yang memberangsangkan dan rasa jemu hidup dalam struktur yang ketat dari segi adat dan tradisi, sehingga timbul kesedaran di kalangan orang-orang desa bahawa kejayaan dan kemajuan yang lebih luas hanya akan dinikmati dalam masyarakat lain, bukan dalam masyarakat desanya sendiri. Jadi, mereka yang berhijrah ini mengalami kuasa tolakan.

Sementara itu kuasa tarikan bolehlah dianggap sebagai kehidupan di bandar yang mana terdapat banyak peluang untuk mencari pengalaman baru, baik dalam bidang ekonomi mahupun sosial. Ini adalah faktur yang boleh mempengaruhi penduduk desa untuk berpindah ke bandar. Seterusnya Bogue berpendapat, sekiranya kuasa tolakan melebihi kuasa tarikan, pemilihan tempat yang dituju itu tidak dipentingkan sangat tetapi apabila kuasa tarikan melebihi kuasa tolakan maka pertimbangan terhadap tempat yang dituju itu akan diambil kira. Dengan kata lain seseorang yang mengalami kesulitan di tempat asalnya akan rela hati berpindah ke mana-mana saja dengan syarat tempat baru itu dapat menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidupnya. Tetapi jika sekiranya seseorang itu tidak mengalami

kesulitan di tempat asalnya akan rela hati berpindah ke mana-mana saja dengan syarat tempat baru itu dapat menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidupnya. Tetapi jika sekiranya seseorang itu tidak mengalami apa-apa kesulitan dan penderitaan dia tidak akan sewenang-wenangnya berpindah ke tempat lain walaupun tempat yang dituju itu mempunyai kemudahan-kemudahan yang mungkin akan membawa perubahan kepada kedudukan ekonominya.

Sebenarnya teori "push pull" ini adalah yang paling sesuai untuk merumuskan gejala penghijrahan belia Kampung Mesapol ke kawasan-kawasan bandar terutama ke Kota Kinabalu. Kuasa tarikan bandar itu adalah jelas samada dalam bidang pekerjaan, pelajaran, hiburan dan sebagainya dan ini merupakan faktur yang penting menyebabkan gelaja penghijrahan itu berlaku. Begitu juga sebaliknya, kekurangan kemudahan sosial, taraf ekonomi dan pelajaran yang rendah dan kurang sempurna adalah merupakan kuasa tolakan yang terdapat di Kampung Mesapol (seperti yang dibincangkan dalam bab 2). Kedua-dua kuasa tolakan dan tarikan ini berlaku dalam masa yang sama dan lebih menyenangkan lagi proses penghijrahan itu berlaku.

Teori Penghijrahan Oleh Everett S. Lee²⁹

Lee memulakan teorinya dengan memberi definisi penghijrahan. Mengikut beliau, penghijrahan dalam pengertian umum ialah pertukaran tempat tinggal samada secara tetap atau separuh tetap (semi-permanent). Tambahnya lagi setiap penghijrahan melibatkan tempat asal, tempat yang dituju dan beberapa angkubah halangan yang terdapat di antara tempat asal dengan tempat yang dituju, dan ini termasuk

²⁹ Everett S. Lee, "A Theory of Migration", dalam Jackson J.A., Migration, Cambridge University Press, 1969, m.s. 282 - 297.

jarak. Beliau memberi empat faktur yang penting dalam proses penghijrahan, iaitu faktur yang terdapat di tempat asal, faktur yang terdapat di tempat yang dituju, halangan antara tempat asal dan tempat yang dituju dan faktur-faktur personal. Faktur pertama, kedua dan ketiga melibatkan tempat asal, jarak serta halangannya dan tempat yang dituju. Kedua-dua kawasan tempat asal dan tempat yang dituju, masing-masing mempunyai faktur-faktur tarikan dan tolakan. Di samping itu di antara dua faktur tersebut terdapat pula unsur-unsur yang mengimbanginya (balance).

Sementara itu di antara kawasan tempat asal dan kawasan tempat yang dituju terdapat beberapa faktur halangan, umpamanya jarak yang jauh dan halangan undang-undang. Oleh yang demikian penghijrahan akan berlaku sekiranya faktur-faktur tarikan yang ada di tempat yang melebihi faktur-faktur tarikan yang ada di tempat asal dan rintangan-rintangan yang ada dapat diatasi. Faktur keempat ialah faktur 'personal' ini banyak, kerana masing-masing individu mempunyai alasan yang berbeza antara satu dengan lain dalam membuat keputusan untuk berhijrah. Faktur ini termasuk kebijaksanaan masing-masing dalam membuat penentuan samada penghijrahan itu akan mendatangkan faedah bagi dirinya atau sebaliknya. Namun demikian terdapat pula sebilangan yang lain yang kurang bijak membuat penentuan terutama mereka yang terpengaruh atau terpaksa. Kerana itu Everett S. Lee mengatakan bahawa penghijrahan itu '*is never completely rational*'.

Teori ini mempunyai persamaan dengan teori "push pull" malah Everett S. Lee lebih lengkap memberikan soal faktur dan

menganalisisanya dengan lebih sempurna. Teori ini sebenarnya meliputi semua aliran penghijrahan dan pola-pola yang berbagai termasuk penghijrahan dari bandar ke bandar lain dan aliran timbal balik bandar - luarbandar. Di samping itu ianya juga meliputi semua golongan umur tetapi tidak membincangkan soal jantina. Seperti juga teori "push pull", teori ini juga boleh diterima dalam kes kajian ini walaupun bidang kajian terhad kepada golongan belia dan pola penghijrahan luarbandar - bandar. Yang penting ialah faktur-faktur di tempat asal dan di tempat yang dituju serta perbandingan antara keduanya yang menentukan ujudnya penghijrahan itu.

Inartikan ke bandar. Kelebihan gaya hidup masyarakat bandar atau bandar sentral itu dapat dilihat dalam hal ini. Demamnya, faktor-faktor pelajaran akan memberi pengaruh pada belia ketika meninggalkan kompleks mewah yang lebih seles. Maka kala belia yang bersekolah dengan baik, berhijrah ke bandar dan menjadi kawula yang tidak berkesabahan ini kerana mereka tidak mengalami pengalaman dan latihan tentang hidup bersama-sama pelajar-an yang kukuh.

Penghijrahan para belia berkenaan ke Kota Kinabalu merupakan hal yang terdapat dua pola siksa yang jelas. Pertama ialah kompleks penghijrah yang mengalami "spontaneous mobility". Ianya adalah satu pola yang kronik. Maka kala yang kedua ialah kompleks penghijrah yang datang ke bandar secara sukarela dan perubahan gaya hidup mereka ini

¹ Snodgrass, Rizirita dan Zimmerman, Principles of Migration Sociology, New York, 1967, o.s., 543.

BAB VI

PENUTUP

Penghijrahan belia Kampung Mesapol ke pusat-pusat bandar menunjukkan bahawa jenis penghijrahan luarbandar-bandar adalah satu gejala yang lebih banyak melibatkan golongan penduduk muda. Sorokin dan Zimmerman dalam rumusannya terhadap gejala yang sama mengatakan bahawa, "Urban migration is principally a phenomenon of early adulthood".¹ Mengikut Hamzah Sendut (1966) pula, penghijrahan penduduk luarbandar ke bandar adalah pengaliran buruh muda yang tidak berkemahiran dari luarbandar ke bandar. Kesimpulan yang dibuat samada oleh Sorokin dan Zimmerman atau Hamzah Sendut itu dapat diterima dalam kajian ini. Umpamanya, faktur-faktur pelajaran telah mendorong para belia berkenaan meninggalkan kampung mereka pada usia yang lebih muda. Manakala belia yang merupakan mangsa keciciran, berhijrah ke bandar dan menjadi buruh yang tidak berkemahiran. Ini kerana mereka tidak mempunyai pengalaman dan latihan lantaran tiada asas-asas pelajaran yang kukuh.

Penghijrahan para belia berkenaan ke Kota Kinabalu memperlihatkan bahawa terdapat dua pola utama yang jelas. Pertama ialah kumpulan penghijrah yang mengalami 'sponsored mobility'. Ianya adalah satu pola yang khusus. Manakala yang kedua ialah kumpulan penghijrah yang datang ke bandar secara sukarela dan perubahan gaya hidup mereka ini

¹ Sorokin, Pitirim dan Zimmerman, Principles of Rural-Urban Sociology, New York, 1969, m.s. 543.

dikatakan sebagai 'non-sponsored mobility'. "Sponsored mobility" bermaksud bahawa penghijrahan belia tersebut adalah dikehendaki atau didorong oleh pihak-pihak tertentu, khususnya kerajaan. Kumpulan penghijrah yang dikatakan dalam "sponsored mobility" ini boleh dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama ialah mereka yang berhijrah atas sebab-sebab pelajaran. Mereka ini terpaksa mengambil masa yang lama kerana setengahnya belajar di Semenanjung sebelum mereka memutuskan untuk menetap di Kota Kinabalu atau lain-lain bandar di Sabah. Mereka ini mengalami perubahan sosial yang lebih baik dari rakan-rakan mereka yang lain terutama dari segi ekonomi dan status pekerjaan. Tegasnya, mereka ini berjaya dalam proses mobiliti menegak setelah beberapa lama mereka berhijrah.

Kategori kedua adalah terdiri dari mereka yang berhijrah secara terus ke bandar tanpa mengambil masa yang lama. Mereka ini adalah yang menjadi anggota polis atau askar yang mana mereka diperlukan mengikuti latihan pusat sebelum berkhidmat. Pola penghijrahan yang kedua, iaitu kumpulan penghijrah yang dikatakan mengalami "non-sponsored mobility", ialah mereka yang berhijrah ke bandar dan memasuki pekerjaan di sektor buruh atau pekerjaan lain yang tidak memerlukan kemahiran atau kelulusan. Sebenarnya mereka ini sudah ada pekerjaan asal di kampung tetapi meninggalkannya kerana terpengaruh dengan kebaikan pekerjaan di bandar. Dengan itu penghijrahan mereka, pada dasarnya, tidaklah mendatangkan apa-apa perubahan kepada taraf ekonomi mereka melainkan hanya mengalami perubahan tempat tinggal, memperolehi kebebasan dan gaya hidup yang berbeza dari sebelumnya.

Berhubung dengan teori-teori penghijrahan yang pernah diutarakan, pada dasarnya teori "push-pull" yang diutarakan oleh Bogue itu adalah lebih sesuai digunakan dalam kajian ini. Ini kerana teori tersebut lebih menumpukan kepada aspek-aspek yang terdapat di kedua-dua tempat; kawasan asal dan tempat yang dituju. Satu keadaan yang jelas ujud di kawasan luarbandar ialah kurangnya pekerjaan untuk orang yang mempunyai kelulusan, kemudahan pelajaran yang terbatas, tiada kemudahan sosial yang memberangsangkan terutama infrastruktur dan rasa jemu hidup dalam struktur masyarakat kampung yang lambat berubah. Faktur-faktur inilah yang memainkan peranan untuk menolak para belia itu supaya meninggalkan kampung mereka. Manakala peluang mencari pengalaman baru yang lebih luas di bandar terutama kesempatan pekerjaan, kemudahan pelajaran yang lebih sempurna, kebebasan dan hiburan adalah merupakan faktur-faktur yang menarik para belia supaya datang ke bandar. Perkembangan industri, perbandaran dan komunikasi menyenangkan lagi proses penghijrahan belia tersebut. Maka satu kesimpulan yang boleh dibuat ialah penghijrahan itu terjadi kerana adanya faktur-faktur tolakan dan tarikan seperti yang telah disarankan oleh Bogue.

Beberapa perkara telah timbul sebagai manifestasi dari gejala penghijrahan belia tersebut. Keadaan ini berlaku bukan saja kepada belia itu sendiri tetapi juga kepada struktur masyarakat di Kampung Mesapol. Jika dibandingkan keadaan masyarakat di Kampung Mesapol pada masa dahulu dan masa sekarang, maka jelas terdapat perbezaan khususnya dari segi struktur keluarga dan sosial. Jika pada masa dahulu unit kekeluargaan adalah lengkap, di mana semua anak-anak (yang belum kahwin)

tinggal dalam satu rumah bersama-sama dengan ibu bapa mereka. Hubungan di antara anggota-anggota keluarga adalah rapat. Fungsi keluarga bukan saja sebagai satu unit sosial tetapi juga sebagai satu unit ekonomi. Satu keluarga yang memiliki sebidang tanah memerlukan tenaga semua isi rumah. Pekerjaan ibu bapa biasanya dibantu oleh anak-anak mereka. Hal ini memang jelas khususnya dalam masyarakat 'agraria' di mana pembahagian tenaga kerja didasarkan kepada anggota-anggota keluarga.

Pada masa ini ciri-ciri tersebut sudah banyak berubah. Dengan berlakunya penghijrahan, hubungan di antara para penghijrah dengan keluarga mereka mulai renggang. Ini terjadi kerana hubungan yang bercorak 'face to face' sudah sukar dilakukan lantaran mereka tinggal di tempat yang berbeza dan berjauhan. Apabila anak-anak muda berhijrah ke bandar, maka apa yang jelas ialah pelepasan anggota-anggota keluarga dan ini akan mengurangkan unit kekeluargaan. Satu kesan buruk yang didapati ialah dari segi ekonomi khususnya keperluan tenaga kerja. Keluarga-keluarga ini telah kehilangan tenaga muda di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi mereka. Malah terdapat tanah-tanah, samada kebun getah atau tanah sawah, yang tidak dapat diusahakan dengan sepenuhnya. Ini disebabkan kebanyakan keluarga menghadapi masalah kekurangan tenaga produktif untuk mengerjakannya.

Berhubung dengan struktur sosial, satu kesan yang jelas ialah kekurangan bilangan belia yang menetap di kampung. Belia yang masih ada pada umumnya tidak mempunyai pelajaran dan menjalankan kerja-kerja kampung. Sumbangan belia kepada sesebuah masyarakat adalah penting,

bukan saja sebagai tenaga ekonomi tetapi juga sebagai satu tenaga sosial. Oleh itu, sekiranya tenaga sosial ini kurang, maka sukarlah dijalankan kerja-kerja kebajikan kampung seperti gotong royong. Begitu juga, kegiatan-kegiatan belia itu sendiri sukar untuk dijalankan lantaran bilangan mereka tidak ramai. Hal inilah yang terjadi di Kampung Mesapol. Sebagai contohnya persatuan-persatuan belia tidak dapat dimajukan dan usaha gotong royong atau kebajikan kampung yang lain jarang dilakukan. Penyertaan belia juga kurang dalam upacara-upacara seperti kenduri, perkahwinan dan sambutan maulud. Oleh yang demikian, berhubung dengan aspek-aspek seperti ini, penghijrahan belia ke bandar memberikan kesan yang negatif kepada struktur sosial di kampung.

Manifestasi penghijrahan kepada belia itu sendiri adalah sesuatu yang lebih jelas. Perubahan yang nyata ialah pada masa ini belia berkenaan sudah menetap di bandar. Perubahan tempat tinggal ini secara tidak langsung mengubah cara hidup mereka samada dari segi perlakuan atau cara pemikiran mereka. Oleh kerana kurangnya kawalan sosial terutama dari ibu bapa mereka, maka apa yang ujud ialah kebebasan individu. Ini dengan senang boleh berlaku kerana soal obligasi terhadap masyarakat sudah tidak dipentingkan. Walau bagaimanapun kesan penghijrahan itu berbeza dari seorang individu dengan individu yang lain berdasarkan mobiliti sosial yang mereka alami. Yang berjaya mencapai taraf pelajaran yang tinggi memperolehi pekerjaan yang baik dan terjamin. Manakala yang lain masih berusaha mencari peluang-peluang untuk mengubah taraf hidup mereka. Perbezaan-perbezaan ini hanya pada aspek-aspek tertentu sahaja kerana pada dasarnya terdapat

persamaan iaitu mereka kini tinggal di dalam satu persekitaran yang baru dengan kehidupan yang berbeza dari sebelumnya. Sebagai kesimpulannya, gejala penghijrahan adalah satu perkara yang biasa, di mana-mana saja asal ada perbezaan bandar dan luarbandar. Berdasarkan kes Mesapol dan perkembangan bandar yang pesat, maka dengan sendirinya keadaan ini boleh berlaku.

3. Kusumawardhani, *Migration and Adaptation of Indonesian Migrants*, Routledge & Kegan Paul Ltd., London, 1971.
4. Nairi Abdalian, "Pendekatan Migrasi Dara-Bandar Terhadap Alas Bandar Dan Perubahan Sosial" dalam *Geografi Sosial dan Demografi, Jelajah Antropologi dan Demografi Universiti* Lebuhraya Malaysia, Tahun IV, 1975/76.
5. Rizwan Basit, "Contemporary Urbanisation in Malaysia" dalam *Asian Survey*, Vol. 6, No. 3, 1966.
6. Hansen, G.H. *Reading in the Study of Migration*, Pergamon Press, London, 1970.
7. Joseph Bagley, "On the Theory of Rural-Urban Migration: The Case of Subsaharan Africa", dalam Jackson J.A. *Migration*, Cambridge University Press, London, 1969.
8. Koentjaraningrat, *Demografi Migrasi*, Pustaka Setara, Kuala Lumpur, 1970.
9. Lee, Everett P. "Theory of Migration" dalam Jackson J.A. *Migration*, Cambridge University Press, London, 1969.
10. Lipset S. & Bendix R. *Social Mobility in Industrial Society*, University of California Press, 1967.
11. Lloyd Moten, "Poverty among Interregional Rural to Urban Migrants", *Journal of Rural Sociological Society*, Vol. 36, 1971.
12. Ranjit Singh Bindra & Aswad Ahmad, *Rajat Geografi Peninsular*, University Malaya, Kuala Lumpur, 1971.
13. Rossing, Peter E. & Marcelle Trunali, *Youth and Sociology*, Englewood Cliffs, New Jersey, Prentice Hall, 1971.
14. Ritzerell J.O. "Structural plurality, urbanisation and labour Circulations in Southern Rhodesia" dalam Jackson J.A. *Migration*, Cambridge University Press, London, 1969.

BIBLIOGRAFI

1. Bogue, D.J. "Techniques and Hypothesis for the Study of Defferential Migration", International Population Conference, New York, 1961.
2. Briggs, P. Some Economic Interpretation of Case Studies of Urban Migration in Developing Countries, 1972.
3. Eisenstadt, S.N. The Absorption of Immigrants, Routledge & Kagen Paul Ltd., London, 1954.
4. Hairi Abdullah, "Urbanisasi: Migrasi Desa-Bandar, Persekutaran Alam Bandar Dan Perubahan Sosial" dalam Jurnal Antropoloji dan Sosioloji, Jabatan Antropoloji dan Sosioloji, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jilid IV, 1975/76.
5. Hamzah Sendut, "Contemporary Urbanzation in Malaysia" dalam Asian Survey, Vol. 6, no. 9, 1969.
6. Jansen, C.J. Reading in The Sociology of Migration, Pergamon Press, London, 1970.
7. Joseph Gugler, "On the Theory of Rural-Urban Migration. The Case of Subsahan Africa, dalam Jackson J.A. Migration, Cambridge University Press, London, 1969.
8. Koentjaraningrat, Pengantar Antropoloji, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1970.
9. Lee, Everett S. "A Theory of Migration" dalam Jackson J.A. Migration, Cambridge University Press, London, 1969.
10. Lipset S.M. & Bendix K. Social Mobility in Industrial Society, University of California Press, 1967.
11. Lloyd Bacon, "Poverty Among Interregional Rural to Urban Migrants", Journal of Rural Sociological Society, Vol. 36, 1971.
12. Manjit Singh Sindhu & Asmah Ahmad, Sifat Geografi Penduduk, University Malaya, Kuala Lumpur, 1977.
13. Manning, Peter K. & Marcello Truzzi, Youth and Sociology, Englewood Cliffs, New Jersey, Prentice Hall, 1972.
14. Mitchell J.C. "Structural plurality, urbanization and Labour Circulation in Southern Rhodesia" dalam Jackson J.A. Migration, Cambridge University Press, London, 1969.

15. Nelson, Lawry, Rural Sociology, 2nd Edition, American Book Company, New York, 1954.
16. Pryor, R.J. Malaysia On The Move: A Study of Internal Migration, Dessertassi Ph.D. Universiti Malaya, 1972.
17. Ravenstein, E.G. "The Laws of Migration", Journal of The Royal Statistical Society, 48, 1885.
18. Rokiah Talib, "Jalinan Hubungan Sosial Di Kampung Bandaran", dalam Masyarakat Melayu: Antara Tradisi Dan Perubahan, Zainal Kling, Ed. Utusan Publications & Distributors, 1977.
19. Sorokin, Pitirim & Zimmerman, Principles of Rural-Urban Sociology, New York, 1969.
20. Stouffer, S.A. "Intervening Opportunities: A Theory Relating Mobility and Distance", American Sociological Review, 5, 1940.
21. Syed Husin Ali, Kepimpinan dan Masyarakat Kampung Di Malaysia, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1977.
22. Teoh Jinn-Inn, Youth In Transition: The Rural-Urban In Migration In Malaysia, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1976.
23. Todaro, Michael P. Internal Migration in Developing Countries, International Labour Office, Geneve, 1976.
24. Tommy, Joseph Lissa, Socio-economic Determinants and Policy Implications of The Decision To Migrate: An Empirical Evidence of The Sierra Leone Rural-Urban Migration Study, The Ohio State University, 1977.
25. UNESCO, In Partnership With Youth, Paris, 1969.
26. Wakeley, R.E. & Nasrat M.E. "Sociological Analysis of Population Migration", Journal of Rural Sociological Society, Vol. 26, 1961.